



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU (PIKeBM) SEKOLAH RENDAH



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

www.moe.gov.my

Cetakan Pertama, 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018

Semua hak cipta terpelihara.

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam, dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

ISBN : 978-983-9425-26-0

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya.

Tel : 03-8000 8000

Faks : 03-8884 6411

www.moe.gov.my

Dicetak oleh:

Magicreative Sdn. Bhd.
No.23, Jln Seri Putra 3/12
Bandar Seri Putra
43000 Bangi Selangor.
Tel : 03-8925 0400
Faks : 03-8925 8400
www.magicreative.com.my

Prakata

Anjakan kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah untuk memartabatkan pendidikan bahasa Melayu di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar MBMMBI adalah untuk melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan fasih dan yakinnya.

Matlamat utama Makmal Bahasa Melayu adalah untuk melonjakkan pemerolehan dan kompetensi bahasa Melayu pada semua peringkat pendidikan. Matlamat ini telah diperincikan melalui sembilan strategi yang terdapat dalam Pelan Strategik Memartabatkan Bahasa Melayu. Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) dirancang berdasarkan konsep penggunaan bahasa Melayu lisan yang betul serta dituturkan secara berterusan sebagai bahasa komunikasi yang dijadikan budaya di sekolah. Murid perlu menguasai kemahiran lisan yang merupakan aspek penting sebelum menguasai kemahiran membaca dan menulis. Begitu juga dengan kemahiran komunikasi yang mementingkan aspek lisan atau pertuturan. Keupayaan berkomunikasi sewajarnya dapat menggambarkan kebolehan sebenar murid dalam konteks lisan secara berkesan.

PIKeBM melalui aktiviti kokurikulum, mendedahkan murid kepada kemahiran lisan bahasa Melayu dan memberikan peluang yang luas kepada mereka menggunakan bahasa Melayu bagi meningkatkan kemahiran bahasa Melayu melalui aktiviti pengembangan bahasa. Selain itu, program ini juga diharapkan dapat membentuk dan melestarikan budaya berbahasa Melayu dalam kalangan murid. PIKeBM dilaksanakan secara sisipan wajib dalam waktu aktiviti kokurikulum melalui pembelajaran penerokaan dan amali yang bersifat santai serta menyeronokkan. Aktiviti ini dapat mendedahkan murid kepada situasi berkomunikasi dengan menggunakan ayat yang tersusun, perkataan yang sesuai dan kosa kata yang luas. Aktiviti ini dapat memberikan impak yang tinggi kepada murid. Pelaksanaan aktiviti ini diharapkan dapat membiasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam kalangan murid serta dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Hal ini sedemikian kerana kemahiran komunikasi yang mementingkan aspek lisan dan pertuturan ialah asas kepada penguasaan bahasa.

SEUNTAI KATA SELEMBAR BICARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu dan Selamat Sejahtera.

Gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk memperluas bimbingan dan sokongan untuk membantu guru bagi menambah pengetahuan dalam semua mata pelajaran, pemikiran, kepimpinan, etika atau kerohanian dan identiti nasional. Sehubungan dengan hal itu, Makmal Bahasa Melayu pada tahun 2016 diasaskan ke arah melonjakkan pemerolehan dan kompetensi bahasa Melayu pada semua peringkat pendidikan.

Anjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah untuk melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan fasih dan yakinnya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang mengorak langkah memartabatkan pendidikan bahasa Melayu di bawah Dasar MBMMBI. Aspek penguasaan bahasa menjadi tumpuan penting dalam proses perubahan sistem pendidikan negara kerana pembentukan murid yang fasih dan yakin berbahasa mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka serta memaksimumkan peluang kerjaya dalam pasaran kerja dunia.

Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) bertunjangkan prinsip penggunaan bahasa Melayu lisan yang betul dan santun secara meluas untuk meningkatkan kompetensi murid berbahasa Melayu sehingga amalan itu menjadi budaya sekolah. Objektif PIKeBM adalah untuk mendedahkan murid kepada kemahiran lisan bahasa Melayu melalui aktiviti kokurikulum, memberikan peluang yang lebih luas kepada murid untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu melalui aktiviti kokurikulum dengan menggunakan bahan berbahasa Melayu yang sedia ada di sekolah, membentuk dan melestarikan budaya berbahasa Melayu di sekolah dalam kalangan murid serta memberikan peluang kepada murid menggunakan bahasa Melayu melalui aktiviti pengembangan bakat mereka.

Syabas saya ucapan kepada semua pihak yang telah berjaya merangka dan menghasilkan Modul Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM), Kementerian Pendidikan Malaysia. Semoga hasrat program ini tercapai.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR AMIN BIN SENIN

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia.

SEUNGKAP KATA SEMANIS BICARA



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Modul Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) atas kejayaan membangunkan Modul PIKeBM bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Modul PIKeBM ini merupakan anugerah sulung yang amat istimewa kerana lahir untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum secara sistematis sekali gus meningkatkan penguasaan dan kecekapan berbahasa murid dalam bahasa Melayu. Penghasilan modul ini sebagai tanda sokongan terhadap Pelan Hala Tuju Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu 2016 hingga 2025 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

KPM telah memberikan mandat kepada Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM) sebagai peneraju utama bagi perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan program bahasa Melayu serta meluluskan peranan bahagian KPM yang terlibat dalam menjayakan semua program yang dirancang. Saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana kerjasama mantap dan erat yang telah diberikan oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) sebagai pihak yang telah diberikan mandat untuk membangunkan Modul PIKeBM ini berjaya merealisasikan hasrat KPM dengan sangat cemerlangnya. Saya percaya bahawa objektif program ini pasti berjaya dengan adanya kesepakatan dan kesepadan semua pihak. Marilah ke hilir sama berkayuh, ke hulu sama bergalah, ke atas sama tinggi dan ke bawah sama rendah.

Sehubungan dengan itu, perubahan dan penambahbaikan dalam dasar pendidikan negara seperti kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam bidang akademik dan kokurikulum yang diadun mesra menuntut warga pendidikan berfikir di luar kotak, serta mengaplikasikan pedagogi terkini agar murid yang dilahirkan terus berjaya, berdaya saing dan dihormati apabila berada dalam pasaran kerjaya. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan secara berterusan pasti memberikan faedah dan pengalaman yang bermakna kepada murid dalam pemupukan bakat yang bertunjang kepada jati diri masyarakat Malaysia untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah membangunkan Modul PIKeBM ini. Saya berasa amat bangga kerana Modul PIKeBM ini merupakan satu sumbangan yang bermakna untuk dunia pendidikan yang dapat dijadikan panduan dan pegangan oleh guru di Malaysia. Akhir kalam, komitmen dan usaha murni semua pihak dalam membangunkan Modul PIKeBM ini diharap dapat memperkasakan kegiatan kokurikulum dalam pendidikan negara di samping mampu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DR. HAJAH MARIDAH BINTI ALIAS

Pengarah

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

SEUNTAI KATA SETEGUK BICARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu dan Selamat Sejahtera.

Anjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016 hingga 2025 adalah untuk memastikan setiap murid menguasai kemahiran berbahasa. Aspek penguasaan bahasa menjadi tumpuan penting dalam proses perubahan sistem pendidikan negara kerana pembentukan murid yang fasih dan yakin berbahasa mampu meningkatkan keyakinan dalam diri mereka.

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan mandat untuk membina Modul Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) bagi Sekolah Rendah dan Menengah. PIKeBM ini sebagai wadah pengembangan bakat murid dan bertujuan memperluas aktiviti bahasa Melayu dalam semua peringkat persekolahan dengan memperkuuh penggunaan bahasa Melayu menerusi aktiviti kokurikulum. Selain itu, PIKeBM ini juga adalah untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan melahirkan murid yang berkeupayaan bertutur, berhujah, menyampaikan idea yang bernes menggunakan bahasa Melayu yang standard dan menghasilkan penulisan pelbagai genre. Program ini diharapkan dapat membentuk dan melestarikan budaya berbahasa Melayu dalam kalangan murid.

PIKeBM dilaksanakan secara sisipan wajib dalam waktu aktiviti kokurikulum melalui pembelajaran berdasarkan inkuri yang bersifat santai serta menyeronokkan. Aktiviti ini dapat mengukuhkan kemahiran bertutur murid dengan menggunakan perkataan yang sesuai, kosa kata yang luas dan ayat yang tersusun. Murid akan menggunakan kebolehan berbahasa yang sedia ada secara bersahaja tetapi dapat memberikan impak. Pelaksanaan aktiviti ini dapat membiasakan murid menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam kehidupan seharian.

Syabas saya ucapan kepada Jawatankuasa Kerja Penyediaan Modul PIKeBM yang terdiri daripada kalangan pensyarah, pegawai di Kementerian Pendidikan, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah, Pegawai SISC+, guru Pentadbir Sekolah, guru sekolah rendah dan menengah serta semua pihak yang telah berjaya merangka dan menghasilkan Modul Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM), Kementerian Pendidikan Malaysia. Semoga hasrat KPM melalui PIKeBM ini tercapai dengan baik dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

ROZAINUM BINTI AHMAD, K.M.N

Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia.

SEUNTAI KATA SEINDAH BICARA



Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah dapat dibangunkan dengan jayanya. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak jawatankuasa yang sentiasa berusaha gigih bersama-sama membangunkan modul ini dan kerjasama yang mantap ini bersesuaian dengan peribahasa “yang ringan sama dijinjing dan yang berat sama dipikul”.

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu dan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) amat berharap agar modul ini dapat membantu guru menjalankan aktiviti kokurikulum secara sistematis dengan adunan kemahiran bahasa yang disusun rapi. Strategi yang sebegini secara tidak langsung adalah untuk meningkatkan pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid melalui aktiviti kokurikulum yang berstruktur. Modul yang dihasilkan telah dirancang dengan rapi dan teliti dengan mengambil kira keperluan dan kebolehan murid di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah menengah.

Saya berharap agar pembugaran aktiviti kokurikulum yang menggarapkan kemahiran lisan yang terancang, mampu mencapai matlamat untuk memartabatkan pendidikan Bahasa Melayu seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Isi kandungan modul ini telah disusun dengan teliti untuk membolehkan murid mempraktikkan secara berterusan kemahiran lisan dengan berlandaskan tugas yang telah diberikan. Selain itu, saya percaya bahawa usaha murni ini dapat menjadi wadah pemupukan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penyerapan nilai murni dapat disebatkan dalam jiwa warga sekolah melalui penggunaan bahasa yang berhemah.

Akhir kata, saya ucapkan tahniah kepada semua yang telah berusaha membangunkan Modul PIKeBM ini. Semoga modul ini mampu mencapai objektif dan seterusnya memacu pendidikan negara ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian, terima kasih.

LOKMAN BIN ABD WAHID

Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Merangkap
Pengurus Program
Inisiatif 108 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan Malaysia.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1	PRAKATA	2
2	KATA ALU-ALUAN	
	2.1 KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA.....	3
	2.2 PENGARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BAHASA MELAYU	4
	2.3 PENGARAH BAHAGIAN KOKURIKULUM DAN KESENIAN	5
	2.4 PENGURUS PROGRAM	6
3	DASAR PELAKSANAAN KEGIATAN KOKURIKULUM	9 -11
4	PENGENALAN	
	4.1 RASIONAL PELAKSANAAN	12
	4.2 KUMPULAN SASARAN	13
	4.3 KERANGKA KONSEP	13
5	CARTA ORGANISASI	
	5.1 INDUK	14
	5.2 SEKOLAH	15
6	PERANAN	16 - 18
7	PROSEDUR OPERASI STANDARD.....	18 - 19
8	CARTA ALIR PELAKSANAAN	20
9	INSTRUMEN	
	9.1 PELAPORAN AKTIVITI KOKURIKULUM	21
	9.2 PENILAIAN KEBERKESANAN	22 - 23
10	PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI	25
11	TAJUK AKTIVITI	
	11.1 AKHBAR PEMBUKA MINDA	26 – 27
	11.2 AKULAH JAGUH.....	28 – 29
	11.3 BINA KATA	30 – 31
	11.4 BISIK-BISIK SAYANG	32 – 33
	11.5 BURUNG TIONG	34 – 35

11.6	CAKNA MATA.....	36 – 37
11.7	CEF CILIK.....	43 – 44
11.8	CUIT-CUIT FIKIR	45 – 46
11.9	JURUHEBAH HARI INI	47 – 48
11.10	FIKIR-FIKIRKAN	49 – 50
11.11	GETARAN BAHASA.....	51 – 52
11.12	HAI HAIKU	53 – 54
11.13	JIKA MAKĀ.....	55 – 56
11.14	JUALAN LANGSUNG	57 – 58
11.15	KUKUNCI	59 – 60
11.16	LANGKAH DEMI LANGKAH SAYANG	61 – 62
11.17	MADAH BERIRAMA	63 – 64
11.18	PENTAS AKSI.....	66 – 67
11.19	PINTAR BAHASA	68 – 69
11.20	PROFESOR SERBA TAHU	70 – 71
11.21	SAHUTLAH PANGGILANKU	72 -73
11.22	SORAK BERENTAP.....	74
11.23	STESEN KE STESEN	75 – 76
11.24	SULUH PEDOMAN	77 – 78
11.25	TAK KENAL MAKĀ TAK CINTA	79 – 80
11.26	TEKA KATA PILIHAN	81 – 82
11.27	TELEFON CIKGU.....	83 – 84
11.28	TERAMPIL DAN TELADAN.....	85 – 86
11.29	TIGA PERKATAAN SAHAJA	87 – 88
11.30	USAHAWAN MUDA	89 – 90
12	GLOSARI.....	91
13	RUMUSAN AKTIVITI PIKeBM	92 – 94
14	SOALAN DAN JAWAPAN BERKAITAN PIKeBM	95 – 97
15	JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN MODUL.....	98 - 100
16	PENGHARGAAN	101

DASAR PELAKSANAAN KEGIATAN KOKURIKULUM

"**Kegiatan kokurikulum** ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (*kurikulum*) yang memberikan *murid* peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah".

Dalam Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember 1967, No. 5652 (Peraturan Kursus Pengajian) Sekolah 1956, kegiatan ini dikenali sebagai Kegiatan Kumpulan.

Dalam Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997, Jld. 41, No. 26, Tambahan No. 94, Perundangan A.P.U. (A) 531, Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) telah memberikan takrif Kokurikulum, iaitu:

Kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan akan mengandungi yang berikut :

1. Penyertaan dalam sukan dan permainan;
2. Penyertaan dalam persatuan dan kelab;
3. Penyertaan dalam pasukan pakaian seragam dan
4. Kegiatan-kegiatan lain sebagaimana ditentukan oleh Menteri Pendidikan.

DASAR UTAMA (1) KEGIATAN KOKURIKULUM ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KURIKULUM KEBANGSAAN

"Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan."

(Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU(A) 531/97.

Melaksanakan kokurikulum di sekolah adalah WAJIB -- *Kegagalan @ Keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum adalah suatu kesalahan yang jika disabitkan bersalah boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara ataupun kedua-duanya sekali di bawah penalti am.*

Rujuk Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

Seksyen 135 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) : Penalti Am

- “(1) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Akta 550 yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”
- “(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 550 ini boleh, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya di bawah Akta 550 ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.”

DASAR UTAMA (2) PENYERTAAN MURID DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM ADALAH WAJIB

●● “Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan setiap orang pelajar. Setiap pelajar **hendaklah** mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam, satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan atau permainan.”
– {Perkara 5.1 Surat Pekeliling ikhtisas Bil 1985/1 KP(BS)8591/Jld. II(29)}

●● Sekolah mewujudkan peluang yang seluas-luasnya kepada murid menyertai kegiatan kokurikulum yang mereka **minati**.

– {Untuk tujuan ini **Pengetua/Guru Besar** telah diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan kelab/persatuan di sekolah seperti dalam Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai PU(A)98/196.}

●● Penyertaan, kehadiran dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum hendaklah direkod dan diberi penilaian.

– {Hal ini ditegaskan dalam Perkara 8.2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1985/1 dan Perkara 2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1986/2}}

●● Ketidakhadiran murid dalam kegiatan kokurikulum yang murid itu telah mendaftarkan diri untuk menyertainya ialah suatu kesalahan yang menyebabkan murid tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin jika disabitkan bersalah **seperti tindakan** ke atas kesalahan ponteng sekolah atau ponteng kelas.

– {Hal ini hendaklah dimaktubkan dalam Buku Undang-Undang dan Peraturan Sekolah dan perlu diketahui oleh murid-murid dan ibu bapa mereka}

DASAR UTAMA (3) PENYERTAAN SEMUA GURU ADALAH WAJIB

- Penyertaan **semua guru** sebagai penjawat atau pengkhidmat awam dalam mengurus, menyelia dan mengelola kegiatan kokurikulum di sekolah **adalah wajib**.
- “Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi **mempastikan keberkesanan** pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah” (Perkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1985/1.)
- Setiap orang guru di sekolah hendaklah, **secara bertulis**, diberikan tugas dan tanggungjawab yang spesifik, terperinci, dan kuantitatif dalam bidang kokurikulum di sekolah, seperti yang dilakukan dalam bidang kurikulum.
- **Keengganan guru** melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan adalah **suatu kesalahan daripada segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan** dan **kebertanggungjawaban penjawat awam** ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut “Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan tatatertib)(Bab D)”.

DASAR UTAMA (4) PELAKSANAAN “KEGIATAN KOKURIKULUM”

- “Kegiatan kokurikulum” yang dilaksanakan di sekolah hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah yang memberikan murid-murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah.”
{Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997}
- Setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan maksud mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan dan kurikulum kegiatan serta skema penilaian yang pragmatis dan progresif.
- Setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah mengandungi elemen-elemen pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baru serta nilai-nilai murni yang membantu membangunkan intelek, jasmani, emosi dan rohani murid secara seimbang.

1. PENGENALAN

Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran asas dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Penguasaan tahap minimum murid dalam menguasai kemahiran mendengar dan bertutur akan memberikan kesan terhadap penguasaan kemahiran Bahasa Melayu serta merencat usaha mereka mencapai Anjakan 2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu memastikan setiap murid profisien dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, Gelombang 2 PPPM (2016 - 2020) memberikan tumpuan ke arah memacu peningkatan dan penambahbaikan sistem yang sedia ada, iaitu melaksanakan Program Interaktif Kemahiran Melayu (PIKeBM) dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Program ini melibatkan murid Tahap 1 (Tahun 3), Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6) pada peringkat sekolah rendah dan murid kelas Peralihan hingga Tingkatan 5 pada peringkat sekolah menengah dalam aktiviti kokurikulum.

PIKeBM ini merupakan satu daripada Inisiatif Pengukuhan Pendidikan Bahasa Melayu melalui aktiviti kokurikulum bagi memastikan murid menguasai kemahiran bahasa Melayu dengan baik.

Pelaksanaan PIKeBM ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu untuk melahirkan murid yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.


2. RASIONAL PELAKSANAAN PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU (PIKeBM) UNTUK SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

- 2.1 Memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan;
- 2.2 Merapatkan jurang kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Melayu antara murid di sekolah kebangsaan dengan murid di sekolah jenis kebangsaan;
- 2.3 Membolehkan murid menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dengan baiknya dan mampu berkomunikasi secara berkesan serta bertatasusila;
- 2.4 Melahirkan murid yang berilmu dan dapat mengaplikasikan kemahiran berbahasa secara bertatasusila dalam kehidupan.


3. KUMPULAN SASARAN

- 3.1 Murid Tahap 1 (Tahun 3)
- 3.2 Murid Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6)
- 3.3 Murid Kelas Peralihan hingga murid Tingkatan 5


4. KERANGKA KONSEP



CARTA ORGANISASI INDUK PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU (PIKeBM)



CARTA ORGANISASI PELAKSANA PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU (PIKeBM) DI SEKOLAH



5. PERANAN

5.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- 5.1.1 Membentuk jawatankuasa kerja pelaksanaan PIKeBM;
- 5.1.2 Mengadakan mesyuarat penyelarasan PIKeBM peringkat kebangsaan;
- 5.1.3 Penataran kepada Pegawai Bahasa Melayu dan Pegawai Kokurikulum di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah;
- 5.1.4 Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia merancang penyediaan bahan sokongan PIKeBM.
- 5.1.5 BKK menyediakan garis panduan pelaksanaan PIKeBM;
- 5.1.6 Melaksanakan program rintis ke sekolah-sekolah semua kategori yang dipilih setiap negeri;
- 5.1.7 Pemantauan, pelaporan dan penambahbaikan program rintis;
- 5.1.8 Mengeluarkan surat siaran sebagai punca kuasa pelaksanaan sisipan wajib PIKeBM di sekolah dan
- 5.1.9 Mengumpul dan melaporkan keberkesanan pelaksanaan PIKeBM.

5.2 Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM)

- 5.2.1 Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM) sebagai peneraju pembinaan Modul PIKeBM;
- 5.2.2 Merancang prosedur kerja PIKeBM;
- 5.2.3 IPGKBM bekerjasama dengan BKK KPM dalam pembinaan Modul PIKeBM;
- 5.2.4 IPGKBM menjadi sumber rujukan terhadap pembangunan Modul PIKeBM;
- 5.2.5 IPGKBM berperanan memberikan pendedahan pelaksanaan Modul PIKeBM kepada IPGK yang lain.

5.3 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

- 5.3.1 Membentuk jawatankuasa kerja pelaksanaan PIKeBM peringkat negeri;
- 5.3.2 Melaksanakan penataran tentang Modul PIKeBM kepada pegawai Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Sektor Pengurusan Akademik, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar;
- 5.3.3 Memantau pelaksanaan PIKeBM seperti dalam panduan Modul PIKeBM;
- 5.3.4 Membuat analisis data berkaitan pelaksanaan PIKeBM secara berkala;
- 5.3.5 Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan dan Sektor Pengurusan Akademik berperanan untuk memastik

5.4 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

- 5.4.1 Membentuk jawatankuasa kerja pelaksanaan PIKeBM pada peringkat daerah;
- 5.4.2 Membuat penataran tentang Modul PIKeBM kepada Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan dan pegawai Unit Pengurusan Akademik dan pentadbir sekolah;
- 5.4.3 Memantau dan membimbing secara berterusan pelaksanaan PIKeBM di sekolah-sekolah.
- 5.4.4 Melaporkan pencapaian pelaksanaan PIKeBM secara berkala dan
- 5.4.5 Unit Pengurusan Akademik dan Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan berkolaboratif dalam memastikan penggunaan Modul PIKeBM .

5.5 Pengetua / Guru Besar

- 5.5.1 Membentuk jawatankuasa kerja dan mengadakan mesyuarat pelaksanaan PIKeBM pada peringkat sekolah;
- 5.5.2 Menerangkan prosedur pelaksanaan PIKeBM kepada semua guru dan murid;
- 5.5.3 Memantau dan membimbing secara berterusan pelaksanaan PIKeBM di sekolah;
- 5.5.4 Menghantar laporan pelaksanaan PIKeBM secara berkala dan
- 5.5.5 Menyebarluaskan pelaksanaan program PIKeBM kepada ibu bapa / penjaga dan komuniti.

5.6 Guru Penolong Kanan Pentadbiran

- 5.6.1 Membantu GPK Kokurikulum dalam pengurusan pelaksanaan PIKeBM di sekolah.
- 5.6.2 Membantu GPK Kokurikulum dalam pemantauan secara berterusan pelaksanaan PIKeBM di sekolah.
- 5.6.3 Memastikan Panitia Bahasa Melayu dapat bekerjasama dengan GPK Kokurikulum .

5.7 Guru Penolong Kanan Kokurikulum

- 5.7.1 Merancang **sisipan wajib** pelaksanaan berpandukan kepada Modul PIKeBM;
- 5.7.2 Memantau dan membimbing secara berterusan pelaksanaan PIKeBM di sekolah;
- 5.7.3 Memastikan guru-guru melaksanakan PIKeBM;
- 5.7.4 Melaporkan pencapaian pelaksanaan PIKeBM semasa mesyuarat kokurikulum sekolah dan
- 5.7.5 Membuat agihan tugas guru di bawah setiap unit.

5.8 Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa / Ketua Panitia Bahasa Melayu

- 5.8.1 Membantu GPK Kokurikulum dalam pelaksanaan Modul PIKeBM di sekolah;
- 5.8.2 Melaksanakan tugas yang diarahkan oleh pentadbir sekolah yang berkaitan program PIKeBM dari semasa ke semasa .

5.9 Setiausaha Kokurikulum

- 5.9.1 Merekod, mencatat dan mendokumentasikan pelaksanaan PIKeBM pada peringkat sekolah;
- 5.9.2 Menyelaras papan kenyataan kokurikulum dan
- 5.9.3 Menyelaras pelaksanaan PIKeBM sekolah.

5.10 Peranan PIBG

- 5.10.1 Menyokong pelaksanaan PIKeBM yang dilaksanakan pada peringkat sekolah dan
- 5.10.2 Menyebarluaskan pelaksanaan PIKeBM pada peringkat komuniti.

5.11 Peranan Ibu Bapa / Penjaga

- 5.11.1 Menyokong dan memberikan kerjasama dalam pelaksanaan PIKeBM yang dijalankan di sekolah dan
- 5.11.2 Memastikan anak jagaan hadir dan mengikuti aktiviti yang dirancang dalam pelaksanaan PIKeBM yang dijalankan di sekolah.

5.12 Peranan Komuniti / NGO

- 5.12.1 Menyokong dan memberikan kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan PIKeBM

6. Prosedur Operasi Standard Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM)

6.1 Pelaksanaan

- 6.1.1 Dilaksanakan semasa aktiviti kokurikulum
 - 6.1.1.1 Pasukan Badan Beruniform
 - 6.1.1.2 Kelab dan Persatuan
 - 6.1.1.3 Sukan dan Permainan
- 6.1.2 Dilaksanakan secara **sisipan wajib** dalam aktiviti kokurikulum
- 6.1.3 Kaedah pelaksanaan sama ada:
 - 6.1.3.1 Permulaan aktiviti
 - 6.1.3.2 Pertengahan aktiviti
 - 6.1.3.3 Pengakhiran aktiviti

6.2 Pelaksanaan program

6.2.1 Dilaksanakan bermula tahun 2019

6.3 Pengurusan Dokumen

(Dokumen disisipkan dalam fail kokurikulum yang sedia ada)

- 6.3.1 Pelan Tindakan
- 6.3.2 Takwim
- 6.3.3 Carta Gantt
- 6.3.4 Jadual Waktu
- 6.3.5 Surat Keluar / Masuk
- 6.3.6 Borang Tindakan Susulan


6.4 Rekod Kedatangan Murid

6.4.1 Rekod Kedatangan Murid diguna pakai untuk merekodkan kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum.

6.5 Bahan sokongan

- 6.5.1 Bahan sedia ada di sekolah
- 6.5.2 Peralatan sedia ada di sekolah
- 6.5.3 Sumber sedia ada di sekolah (Pusat Sumber) dan bilik khas
 - 6.5.3.1 Buku
 - 6.5.3.2 Majalah
 - 6.5.3.3 Jurnal dan lain-lain
 - 6.5.3.4 Bahan sokongan lain yang sesuai

CARTA ALIR PELAKSANAAN PIKeBM



**LOGO
SEKOLAH**

CONTOH

BORANG PELAPORAN AKTIVITI KOKURIKULUM

1. Nama Sekolah: _____
2. Pasukan Badan Beruniform / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan: _____
3. Nama Guru : _____
4. Jumlah Ahli: _____ L: _____ P: _____
5. Tarikh dan Waktu: _____
6. Tajuk Aktiviti Kokurikulum: _____
7. Objektif Aktiviti:
 - (i) _____
 - (ii) _____
 - (iii) _____➤➤ Sisipan Aktiviti PIKeBM: _____
8. Refleksi dan Impak:

9. Ulasan Guru:

Disediakan oleh:

.....
()

Disemak oleh:

.....
()

INSTRUMEN BIMBINGAN / PENILAIAN KEBERKESANAN PIKeBM

Bil :

Nama Sekolah :
 Kategori sekolah : Bandar / Luar bandar / Pedalaman
 Bidang : Pasukan Badan Beruniform / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan
 (Nyatakan)

Tarikh : _____

Masa : _____

Tempat : _____

Bil. Kehadiran Murid : L : _____ P : _____ Jumlah : _____

Nama Penilai : _____

Arahan : Tandakan (/) mengikut skala yang berkenaan.

Skala					
	1	2	3	4	5
1 Sangat lemah					
2 Lemah					
3 Sederhana					
4 Baik					
5 Cemerlang					

BUTIRAN PENYELIAAN					
	SKALA				
	1	2	3	4	5
1 Pengurusan					
1.1 Pihak pentadbir menyebarkan PIKeBM.					
1.2 Mendokumentasikan PIKeBM					
1.3 Menyelia dan membimbing pelaksanaan PIKeBM.					
2 Aktiviti dan Pelibatan					
2.1 Murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti PIKeBM.					
2.2 Murid mengamalkan nilai-nilai murni secara berterusan.					
3 Penguasaan Lisan					
3.1 Menyebut perkataan dengan jelas dan betul.					
3.2 Bertutur dengan fasih menggunakan bahasa yang tepat dan sesuai.					
3.3 Bertutur secara bertatasusila.					
3.4 Bertukar-tukar pendapat.					
3.5 Berinteraksi untuk mendapatkan maklumat.					
3.6 Memberi penerangan atau arahan.					
4 Penggunaan Modul					
4.1 Menggunakan modul PIKeBM yang Dicadangkan					
4.2 Menggunakan sumber yang pelbagai					
5 Pasca PIKeBM					
5.1 Penggunaan lisan diamalkan berterusan dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.					
5.2 Aktiviti dijalankan secara berterusan dalam situasi formal (PdP/perhimpunan/pertandingan)					

Penarafan Skor
81 – 100 (Cemerlang)
61 – 80 (Baik)
41 – 60 (Sederhana)
21 – 40 (Lemah)
0 – 20 (Sangat Lemah)

Jumlah Skor = _____
 Pengiraan Skor = _____ (Jumlah Skor) / 85 x 100 = _____ %

Ulasan Pencerapan

1. Isu

2. Cadangan Penambahbaikan

3. Ulasan Keseluruhan

Nama Pemantau _____ P _____ engetua /Guru Besar

Tarikh :

TAJUK AKTIVITI

Akhbar Pembuka Minda

Akulah Jaguh

Bina Kata

Bisik-bisik Sayang

Burung Tiong

Cakna Mata

Cef Cilik

Cuit-cuit Fikir

Juruhebah Hari Ini

Fikir-fikirkan

Getaran Bahasa

Hai Haiku

Jika Maka

Jualan Langsung

Kukunci

Langkah demi Langkah Sayang

Madah Berirama

Pentas Aksi

Pintar Bahasa

Profesor Serba Tahu

Sahutlah Panggilanku

Sorak Berentap

Stesen ke Stesen

Suluh Pedoman

Tak Kenal Maka Tak Cinta

Teka Kata Pilihan


Telefon Cikgu

Terampil dan Teladan

Tiga Perkataan

Usahawan Muda

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI



PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Akhbar Pembuka Minda</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Membaca dan memahami teks bacaan. 2 Memberi ulasan ringkas tentang bahan yang dibaca. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid membaca dan memahami teks bacaan daripada akhbar, majalah, bahan Internet dan sebagainya. 2 Murid berbincang dalam kumpulan tentang bahan yang terdapat dalam akhbar untuk membina ulasan ringkas. 3 Wakil setiap kumpulan menyampaikan ulasan dengan menggunakan ayat yang betul. 4 Murid daripada kumpulan lain membuat refleksi. 	<p>1 Aktiviti Harian</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pasukan Badan Beruniform Mencari bahan di perpustakaan dan menampal keratan akhbar di sudut mata pelajaran. (b) Kelab dan Persatuan Membaca keratan yang ditampal dan membina ulasan. (c) Sukan dan Permainan. Menampal ulasan pada papan kenyataan mata pelajaran dan murid lain perlu membaca bahan tersebut. <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah</p> <p>Murid memberikan ulasan berdasarkan ucapan pentadbir / guru bertugas. Membuat ulasan selepas sesuatu program anjuran sekolah dilaksanakan. Contoh: Ceramah Maulidur Rasul.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>1 Jenis maklumat berkaitan akhbar</p> <p>(a) Jenis-jenis akhbar (beza dengan akhbar dalam talian).</p> <p>(b) Kategori berita – berita dalam negara, hiburan, antarabangsa, sukan, rencana dan sebagainya.</p> <p>(c) Membuat ulasan petikan berita.</p> <p>(d) Membuat ulasan berita daripada akhbar dalam talian.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Ahli dari unit persatuan membaca keratan akhbar. Ahli yang lain perlu mencatat isi penting yang didengar.</p> <p>4 Penyerapan Ilmu Sains / Pendidikan Jasmani / Sejarah</p> <p>Pelaksanaan Aktiviti Tahunan Mewawancara bekas atlet sukan sekolah untuk mendapatkan maklumat.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Akulah Jaguh</p> <p>Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Memberikan jawapan berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh guru dengan ayat yang lengkap. 2 Menyampaikan pendapat tentang sukan dengan yakin. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid dibahagikan kepada dua pasukan (pasukan A dan pasukan B). 2 Murid diminta mempraktikkan kemahiran permainan yang dipelajari dalam kaedah permainan kecil (2 lawan 2, 3 lawan 3 atau 4 lawan 4). 3 Apabila satu pasukan dapat menghasilkan mata / jaringan / skor permainan akan diberhentikan seketika. 4 Satu mata akan diberikan kepada pasukan yang menang. 5 Guru akan memberikan soalan berkaitan aktiviti sukan di sekolah kepada kedua-dua pasukan (Rujuk contoh di bawah). 6 Salah seorang ahli daripada kedua-dua kumpulan diminta menceritakan tentang aktiviti sukan yang dijalankan di sekolah (kepantasan menjawab 10 hingga 30 saat). 7 Satu mata akan diberikan kepada pasukan yang berjaya menceritakan tentang aktiviti sukan di sekolah dengan lancar. Permainan kecil akan disambung semula sehingga tamat masa permainan yang ditetapkan (5 hingga 10 minit). 	<p>1 Aktiviti Harian</p> <p>Secara berpasangan, seorang murid membina soalan berdasarkan tema yang diberikan oleh guru. Rakannya pula membina jawapan berdasarkan soalan tersebut.</p> <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah</p> <p>Wakil murid mengumumkan syarat untuk melayakkan diri menyertai pasukan bola sepak sekolah.</p> <p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum</p> <p>Tokoh sukan dalam kalangan murid yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu permainan berkongsikan pengalaman masing-masing.</p> <p>4 Penyerapan Ilmu</p> <p>Bahasa Melayu / Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Guru perlu memastikan murid-murid didedahkan dengan penggunaan istilah yang tepat sebelum aktiviti dijalankan.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, peralatan sukan dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Mengundang alumni sekolah atau ahli Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) dalam Majlis Sukan Sekolah untuk bekerjasama menjayakan majlis tersebut.</p>
	<p>Contoh soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Apakah kemudahan gelanggang permainan yang ada di sekolah ini? 2 Di manakah lokasi padang bola sepak di sekolah ini? 3 Bilakah waktu pelaksanaan aktiviti kelab sukan dan permainan dilaksanakan di sekolah ini? 4 Siapakah Guru Penasihat Kelab Bola Jaring sekolah ini? 5 Apakah nama-nama kelab permainan yang ditubuhkan di sekolah ini? 	

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM																				
		CADANGAN																				
<p>Tajuk: Bina Kata</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Membina perkataan berdasarkan tema yang diberikan. 2 Membaca semula perkataan yang dibina. 	<p>Langkah Operasi</p> <p>1 Murid berada di dalam barisan kumpulan yang disusun secara berbaris. Dalam satu barisan boleh terdiri daripada 7 hingga 10 orang murid.</p> <p>2 Guru memberikan tema. Contoh tema: alam sekitar, haiwan, manusia atau tema yang difikirkan sesuai dengan tahap murid.</p> <p>3 Murid pertama akan menyebut satu perkataan berdasarkan tema yang diberikan oleh guru. Permainan diteruskan oleh ahli dalam tiap-tiap kumpulan.</p> <p>Contoh:</p> <table style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Pusingan 1</td> <td>Pusingan 2</td> </tr> <tr> <td>Tema haiwan</td> <td>Tema permainan</td> </tr> </table> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td>Ahli 1</td> <td>ikan</td> <td>Ahli 1</td> <td>badminton</td> </tr> <tr> <td>Ahli 2</td> <td>ular</td> <td>Ahli 2</td> <td>bola tampar</td> </tr> <tr> <td>Ahli 3</td> <td>beruang</td> <td>Ahli 3</td> <td>renang</td> </tr> <tr> <td>Ahli 4</td> <td>kancil</td> <td>Ahli 4</td> <td>gimrama</td> </tr> </table> <p>4 Sekiranya ada ahli yang gagal membina perkataan, ahli tersebut perlu keluar daripada permainan dan akan disambung oleh ahli seterusnya.</p>	Pusingan 1	Pusingan 2	Tema haiwan	Tema permainan	Ahli 1	ikan	Ahli 1	badminton	Ahli 2	ular	Ahli 2	bola tampar	Ahli 3	beruang	Ahli 3	renang	Ahli 4	kancil	Ahli 4	gimrama	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid boleh mengaplikasikan aktiviti ini di sudut bacaan, di kantin, di pondok bacaan pada waktu senggang. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid menjalankan aktiviti permainan Bina Kata semasa perhimpunan (1 minit). 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Mengadakan pertandingan antara ahli dalam kelab masing-masing dan pertandingan antara PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan. 4 Penyerapan Ilmu Sains / Pendidikan Kesihatan / Sejarah.
Pusingan 1	Pusingan 2																					
Tema haiwan	Tema permainan																					
Ahli 1	ikan	Ahli 1	badminton																			
Ahli 2	ular	Ahli 2	bola tampar																			
Ahli 3	beruang	Ahli 3	renang																			
Ahli 4	kancil	Ahli 4	gimrama																			

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Guru menerangkan tatacara permainan Bina Kata. Guru memberikan tema yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan sedia ada murid.</p> <p>Bahan</p> <p>Kad perkataan.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Mengadakan pertandingan persahabatan dengan sekolah yang berhampiran.</p> <p>Contoh: Murid akan berada dalam barisan. Peserta pertama akan terus menyambung perkataan daripada perkataan yang diterima mengikut tema yang ditetapkan. Sekolah yang menang akan memperoleh sumbangan berupa <i>hamper</i> / sijil.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Bisik-bisik Sayang</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Menyebut ayat mudah. 2 Menggunakan kebolehan bahasa sedia ada. 3 Mendengar dan bertutur dengan betul serta tepat. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru menerangkan peraturan permainan. 2 Setiap kumpulan membentuk barisan yang sama banyak. 3 Ketua kumpulan diberikan ayat yang berbeza oleh guru. 4 Ketua kumpulan akan membisikkan ayat kepada ahli pertama dan ahli pertama akan membisikkan semula ayat tersebut kepada ahli seterusnya. 5 Ahli terakhir daripada setiap kumpulan akan tampil ke hadapan untuk mencatat ayat yang didengar dan membacanya setelah semua ahli terakhir setiap kumpulan berada di hadapan. 6 Guru menilai ketepatan ayat yang dinyatakan oleh ahli terakhir. <p>Ayat contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 PBB - Perkhemahan Pengakap Contoh: Perkhemahan pada hujung minggu sungguh menyeronokkan. 2 Kelab dan Persatuan – Kelab Sejarah Contoh: Kota A' Famosa terletak di Bandar Hilir Melaka. 	<p>1 Aktiviti Harian Berbual-bual dengan rakan menggunakan bahasa yang mudah.</p> <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Mendengar dan mencatat setiap arahan dan maklumat.</p> <p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Mendengar dan mencatat setiap arahan dan maklumat.</p> <p>4 Penyerapan Ilmu Sains / Sejarah.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Peraturan permainan</p> <p>Guru memastikan bisikan tidak didengar oleh ahli yang lain.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Mengundang penceramah bebas, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk mengadakan ceramah serta sesi soal jawab mengenai sesuatu isu atau topik yang ditetapkan oleh pihak sekolah.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Burung Tiong</p> <p>Pasukan Badan Beruniform sukan dan permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Mendengar dan meniru arahan kawad kaki secara lisan dengan menggunakan intonasi dan jeda yang betul. 2 Menyampaikan arahan kawad kaki secara spontan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid diperdengarkan rakaman lisan kawad kaki / sorakan semangat murid mendengar dengan teliti. 2 Ahli kumpulan perlu mengajuk semula rakaman yang diperdengarkan dengan intonasi yang betul secara bergilir-gilir. 3 Membuat refleksi ajukan yang paling tepat. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Memberikan arahan dengan menggunakan bahasa yang mudah dalam perbualan sehari-hari. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Pasukan Badan Beruniform Menyebut kata kerja dalam aktiviti kawad kaki. Contoh: baris, pusing, menghadap, hentak kaki, hayun tangan. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Pasukan Badan Beruniform Menyebut bahasa arahan dalam aktiviti kawad kaki. Minggu Bahasa Pasukan Badan Beruniform Murid mencari maklumat dan makna bahasa arahan kawad kaki yang terdapat di dalam perpustakaan dan Internet. 4 Penyerapan Ilmu Sejarah mengaitkan perarakan kemerdekaan dengan kawad kaki.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan Murid didedahkan dengan rakaman arahan kawad kaki / sorakan semangat.</p> <p>Bahan Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan Aktiviti Tahunan Ibu bapa yang mempunyai kemahiran dalam bidang kawad kaki (ahli RELA, tentera, polis, bomba) boleh membimbing murid dalam aktiviti berkawad.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Cakna Mata</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Mengenal pasti kesalahan seperti bahasa dan slogan daripada pelbagai sumber. 2 Berbincang tentang kesalahan bahasa dan slogan. 3 Membina ayat mudah berdasarkan perkataan yang telah dibetulkan ejaannya. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid mengumpulkan dan mencatat kesalahan bahasa daripada mana-mana gegantung, kain rentang atau papan iklan yang pernah dilihat oleh murid. 2 Murid menyebut kesalahan bahasa yang telah dikenal pasti secara berkumpulan. 3 Murid berbincang tentang kesalahan bahasa dan slogan secara berkumpulan dengan bimbingan guru. 4 Murid membina ayat mudah berdasarkan perkataan yang telah dibetulkan ejaannya. 5 Murid diminta mencari kesalahan bahasa di papan kenyataan, gegantung atau seumpamanya. <p>Contoh kesalahan: Bilek wuduk perempuan Galeri Perabut Kayu Jati</p> <p>Pembetulan : Bilik wuduk perempuan Galeri Perabot Kayu Jati</p> <p>Bina ayat Ayah mengecat pintu bilik Pak Cik Salim membeli almari buku di kedai perabot</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Memastikan bahasa dan penggunaan ayat yang betul dalam semua mata pelajaran. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid memberikan contoh kesalahan bahasa dan imbuhan yang lazim. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Murid melaporkan kesalahan bahasa serta imbuhan pada gambar gegantung. 4 Penyerapan Ilmu Bahasa Melayu.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan Guru menerangkan cara pelaksanaan aktiviti.</p> <p>Bahan Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Ibu bapa Ibu bapa mengambil bahagian dalam aktiviti pameran yang dianjurkan oleh pihak sekolah. 2 Badan Kerajaan / Badan Bukan Kerajaan Pihak sekolah melibatkan penggiat bahasa dan sastera untuk aktiviti kebahasaan seperti menyemarakkan Bulan Bahasa Kebangsaan.

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
auto matif	automotif	geraf	graf
audien	audiens	geharu	gaharu
agreget	agregat	hajjah	hajah
arithmetik	aritmetik	hurmat	hormat
agen (wakil)	ejen (wakil)	ide	idea
ampangan	empangan	idap	hidap
aked	arked	iktizam	iltizam
akitek	arkitek	impot	import
analisa	analisis	injin	enjin
atlit	atlet	inspekter	inspektor
atnik	etnik	insuran	insurans
anggrik	angerik	Insyaallah / Insya Allah	insya-Allah
baucer	baucar	istihar	isytihar
bistari	bestari	istirehat	istirahat
bowling	boling	isya	isyak
buffet	bufet	justru	justeru
bumiputra	bumiputera	jecket	jaket
buroh	buruh	kampong	kampung
calun	calon	kapitalisma	kapitalisme
cocok (tusuk)	cucuk (tusuk)	katun	kartun
cucuk (sesuai)	cocok (sesuai)	kefeteria	kafeteria
catit	catat	komidi	komedi
cendiawan	cendekiawan	komisyen	komisen
cop	cap (cetak)	kondaktor	konduktor
dasyhat	dahsyat	konsotium	konsortium

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
dialog	dialog	kontrek	kontrak
definasi	definisi	korum	kuorum
deligasi	delegasi	kaptain	kapten
deraf	draf	karenah (ragam)	kerenah
durhaka	derhaka	kelender	kalendar
efisyen	efisien	keredhaan	keredaan
ekur	ekor	kerinting	keriting
ehsan	ihsan	kianat	khianat
engzos	ekzos	ko-kurikulum	kokurikulum
ekslusif	eksklusif	kolestrol	kolesterol
ekspot	eksport	komersil	komersial
ekspres	ekspres	komplek	kompleks
emel	e-mel	kontingen	kontinjen
engkar	ingkar	lagenda	legenda
fadhilat	fadilat	lakun	lakon
fax	faks	lapuran	laporan
faksimili	faksimile	lebel	label
Febuari	Februari	lencungan	lencongan
gembeling / gembeleng	gembeleng	leukimia	leukemia
lojik	logik	protin	protein
losyen	losen	pekej	pakej
letrik	elektrik	pesonal (kakitangan)	personel
lojistik	logistik	petrolium	petroleum
maksima	maksimum	platfom	platform
manafaat	manfaat	profail	profil
masaalah	masalah	profesyenal	profesional
mee	mi	sekala	skala
mekanism	mekanisme	sekelian	sekalian
mencatit	mencatat	sekim	skim
mengenengahkan	mengetengahkan	sessi	sesi
megeneplikan	mengetepikan	setor	stor
mengujudkan	mewujudkan	siksa	seksa
mengwujudkan	mewujudkan	silaturrahim	silaturahim

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
mentera merbahaya minima munshi nasionalisma odit oditorium optima organisme otomatik otomobil pamir paspot patriotisma pehak pelancung pemerosesan pemilekan pengembala pengembangan pensil perabut perihatin perlburan perlancaran perletakan pertunjukkan pesaraan pesiaran plan profession prosidur	mantera berbahaya minimum munsyi nasionalisme audit auditorium optimum organisma automatik automobil pamer pasport patriotisme pihak pelancong pemprosesan pemilikan pengembala pengembangan pensel perabot prihatin pelaburan pelancaran peletakan pertunjukan persaraan persiaran pelan profesion prosedur	snooker stesyen stokin sunnah sabsidi sanwic selinder skima spesis stem talipon taugeh (sayuran) trampil tulin ugama usek warong vokasyenal yunit	snuker stesen stoking sunah subsidi sandwic silinder skema spesies setem telefon tauge terampil tulen agama usik warung vokasional unit

KESALAHAN KATA MAJMUK

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
acapkali	acap kali	lalulintas	lalu lintas
ada pun	adapun	latarbelakang	latar belakang
adakala	ada kala	lebuhraya	lebuhraya
andai pun	andaipun	lagi pun	lagipun
andaikata	andai kata	mana pun	manapun
apa kala	apakala	mana kala	manakala
apa tah	apatah	merekapun	mereka pun
atau pun	ataupun	meski pun	meskipun
Aidil-fitri	Aidilfitri	olah raga	olahraga
aturcara	atur cara	papantanda	papan tanda
ambilalih	ambil alih	penguatkuasa	penguat kuasa
barang kali	barangkali	pengubahmilik	pengubah milik
begitupun	begitu pun	pilihanraya	pilihan raya
belumpun	belum pun	pasaraya	pasar raya
biar pun	biarpun	rekabentuk	reka bentuk
baikpulih	baik pulih	rekabina	reka bina
bandaraya	bandar raya	ruangniaga	ruang niaga
cendera mata	cenderamata	samada	sama ada
cahayamata	cahaya mata	sebutharga	sebut harga
campurtangan	campur tangan	sedиada	sedia ada
empatbelas	empat belas	segitiga	segi tiga
gambarajah	gambar rajah	sekaligus	sekali gus
gantirugi	ganti rugi	senireka	seni reka
garispanduan	garis panduan	suratcara	surat cara
gunatanah	guna tanah	suratkhabar	surat khabar
hakmilik	hak milik	susunatur	susun atur
hapuskira	hapus kira	susutnilai	susut nilai
ibubapa	ibu bapa	sediakala	sedia kala

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
ibupejabat	ibu pejabat	selangseli	selang seli
ibusawat	ibu sawat	seringkali	sering kali
isipadu	isi padu	sesungguh-nya	sesungguhnya
inipun	ini pun	siapa-tah	siapatah
janakuasa	jana kuasa	sudahpun	sudah pun
jasabait	jasa baik	sungguh pun	sungguhpun
jawatan kuasa	jawatankuasa	temubual	temu bual
jiwa-mu	jiwamu	temuduga	temu duga
jualbeli	jual beli	tengahari	tengah hari
kawalselia	kawal selia	tuanpunya	tuan punya
kadang kala	kadangkala	tukarsyarat	tukar syarat
kemaskini	kemas kini	telahpun	telah pun
kerapkali	kerap kali	ulangtahun	ulang tahun
keretapi	kereta api	urusetia	urus setia
kerja sama	kerjasama	usahasama	usaha sama
kerjatanah	kerja tanah	walau pun	walaupun
kertaskerja	kertas kerja	walaubagaimanapun	walau bagaimanapun
kuatkuasa	kuat kuasa		

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Cef Cilik</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menyampaikan maklumat dan menerangkan sesuatu proses dengan jelas menggunakan ayat yang mudah. 2 Menggunakan bahasa yang sesuai. 3 Menambahkan ilmu pengetahuan tentang makanan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 2 Murid menyatakan menu sarapan yang paling digemari. 3 Guru menyatakan menu sarapan yang mudah. Contohnya sandwic. 4 Murid menyatakan resipi membuat sandwic dengan menggunakan ayat yang mudah. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid mengumpul menu-menu yang terdapat di dalam akhbar harian atau majalah. 2 Perhimpunan Rasmii Sekolah Murid bercerita tentang makanan sihat. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Murid menerangkan jenis makanan tradisional pelbagai kaum berdasarkan gambar. 4 Penyerapan Ilmu Pendidikan Kesihatan / Sains / Bahasa Melayu.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan Pengetahuan sedia ada murid tentang menu sarapan yang mudah.</p> <p>Bahan Resipi, majalah, surat khabar dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan Aktiviti Tahunan Mengundang ibu bapa atau wakil bukan kerajaan untuk membuat tunjuk cara memasak.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Cuit-cuit Fikir</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> Meneka perkataan berdasarkan aksi yang ditunjukkan. Membina ayat mudah berdasarkan perkataan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Ketua kumpulan akan tampil di hadapan dan mendengar bisikan perkataan daripada guru pembimbing. Ketua kumpulan perlu beraksi berdasarkan perkataan yang didengar. Ahli dalam kumpulan perlu menekanya dengan betul. Murid hanya dibenarkan meneka sebanyak tiga kali percubaan sahaja. Sekiranya ahli kumpulan tidak dapat menjawab, kumpulan lain dibenarkan menjawab dan jika betul, markah akan diberi. <p>Contoh: Pasukan Badan Beruniform Arahan: Simpul Manok Murid menunjukkan ikatan dan simpulan, manakala murid yang lain meneka jenis ikatan serta simpulan tersebut.</p> <p>Contoh: Kelab dan Persatuan (Matematik) Arahan: $5 + 3 + 2 =$ (Murid perlu membuat aksi tambah bagi nombor yang diberikan mengikut kreativiti mereka).</p>	<ol style="list-style-type: none"> Aktiviti Harian Meluangkan masa membaca buku cerita dan melakonkan semula watak yang dipilih. Perhimpunan Rasmi Sekolah Contoh: Kelab Sains, murid menerangkan sebab dan akibat telur tidak tenggelam di dalam larutan garam. Semasa penerangan, rakan yang lain akan menunjukkan demonstrasi. Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Guru memberikan soalan kuiz secara terbuka sewaktu perhimpunan bulanan. Contoh soalan kuiz: Peribahasa (kaki bangku) Murid melakonkan aksi yang berkaitan dengan peribahasa. Murid yang lain tampil untuk meneka peribahasa tersebut. Penyerapan Ilmu Pendidikan Moral / Pendidikan Jasmani.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Contoh: Sukan dan Permainan (Bola Jaring) Arahan: hantaran dada Murid membuat aksi hantaran dada dan murid yang lain perlu menekanya.</p> <p>Catatan Guru menerangkan tatacara permainan kepada murid.</p> <p>Bahan Kain anduh, tali, peralatan sukan.</p>	<p>Pelaksanaan Menjalankan usaha sama antara JPAM / Pasukan Bomba dan Penyelamat / PDRM / Pasukan Elit Sekolah / bekas murid sekolah untuk menunjukkan demonstrasi yang berkaitan kepada murid. Murid boleh melakukan aktiviti soal jawab.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Juruhebah Hari Ini</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Bertutur dan berinteraksi secara berhemah. 2 Menyampaikan maklumat secara berkesan dan betul. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Taklimat kepada murid tentang aktiviti yang akan dijalankan. 2 Guru Penasihat membuat undian secara rawak, iaitu seramai tiga orang ahli yang akan bertugas sebagai Juruhebah Hari Ini. Ahli yang lain akan membuat penilaian secara lisan. 3 Sesi Juruhebah Hari Ini <ul style="list-style-type: none"> (a) Wawancara guru-guru, murid-murid dan lain-lain. (b) Memutarkan lagu. (c) Memaklumkan isu-isu dan perkembangan terkini. (d) Menguar-uarkan program sekolah. 4 Ahli yang lain mencatat maklumat yang disampaikan oleh juruhebah. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian <ul style="list-style-type: none"> Murid menyampaikan peribahasa dan maknanya atau kata-kata hikmat setiap hari melalui radio sekolah. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah <ul style="list-style-type: none"> Murid diberi peluang menjadi juruacara dalam perhimpunan rasmi sekolah. 3 Aktiviti Bulanan Kokurikulum <ul style="list-style-type: none"> Murid diberi peluang menjadi juruacara dalam acara-acara khas sekolah seperti hari sukan tahunan sekolah dan lain-lain. 4 Penyerapan Ilmu <ul style="list-style-type: none"> Ilmu kepemimpinan dan komunikasi dua hala.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menyediakan tempat yang sesuai (bilik operasi / sudut bicara di kantin, dewan terbuka dan lain-lain) 2 Memastikan bahan / maklumat yang bersesuaian disediakan untuk penyampai yang bertugas. 3 Menyediakan borang soal selidik / maklum balas kepada guru dan murid. 4 Menyenaraikan lagu yang bersesuaian mengikut tema. <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, bahan Internet dan MP3.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Mengundang pihak seperti Astro Ceria atau DIDIK untuk mengendalikan sesuatu program yang bersesuaian. Murid dapat melihat cara pengacara majlis mengendalikan program tersebut.</p> <p>Boleh juga dilaksanakan melalui tontonan video.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM										
		CADANGAN										
<p>Tajuk: Fikir-fikirkan</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Membina ayat mudah yang bermakna. 2 Memperluas ayat menggunakan perkataan yang bermakna. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru memberikan satu perkataan berdasarkan tajuk. Contoh: Berkelah 2 Peserta pertama akan menyambung perkataan yang disebut oleh guru dan diikuti oleh rakan-rakan yang lain sehingga membentuk sebuah karangan. <p>(a) Contoh perkataan: Saya</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Murid A</td><td>Murid B</td><td>Murid C</td><td>Murid D</td><td>dan seterusnya</td></tr> <tr> <td>Saya</td><td>pergi</td><td>berkelah</td><td>pada</td><td>...(sambung)</td></tr> </table> <ol style="list-style-type: none"> 3 Murid yang gagal menyambung perkataan akan dibantu oleh rakan yang lain. 	Murid A	Murid B	Murid C	Murid D	dan seterusnya	Saya	pergi	berkelah	pada	...(sambung)	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid melakukan aktiviti menyambung perkataan untuk menjadikan ayat pada waktu senggang. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid boleh berbicara secara spontan dengan ayat yang bermakna semasa di tapak perhimpunan sebelum perhimpunan dimulakan. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Aktiviti pengucapan awam. 4 Penyerapan Ilmu Bahasa Melayu / Sejarah.
Murid A	Murid B	Murid C	Murid D	dan seterusnya								
Saya	pergi	berkelah	pada	...(sambung)								

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Guru menerangkan peraturan permainan.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Pihak sekolah mengundang alumni sekolah untuk menjadi penganjur bersama siri bual bicara yang boleh disertai oleh murid. Ibu bapa diundang sebagai penonton semasa aktiviti ini dilaksanakan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Getaran Bahasa</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Mengukuhkan perbendaharaan kata. 2 Membentuk perkataan daripada aktiviti yang dilaksanakan. 2 Membina ayat mudah. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid membentuk beberapa bulatan kumpulan. 2 Ketua kumpulan memberi satu perkataan yang mengandungi dua suku kata terbuka. 3 Murid pertama akan menyebutkan dua suku kata sambil berlari dalam bulatan serta menyentuh murid-murid lain di dalam kumpulannya. 4 Murid tersebut akan membentuk perkataan menggunakan suku kata terakhir yang disebut oleh murid sebelumnya. 5 Murid yang gagal membentuk perkataan akan terkeluar daripada permainan. 6 Langkah ini diulang sehingga murid yang terus kekal diiktiraf sebagai pemenang. 	<p>1 Aktiviti Harian</p> <p>Murid melakukan aktiviti Getaran Bahasa pada waktu senggang bersama-sama rakan yang lain.</p> <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah</p> <p>Mencari perkataan yang tidak difahami di gegantung, perpustakaan, majalah dan surat khabar. Seterusnya, murid membina ayat secara lisan.</p> <p>3 Aktiviti Bulanan Kokurikulum</p> <p>Mengadakan pertandingan Getaran Bahasa.</p> <p>4 Penyerapan Ilmu</p> <p>Pendidikan Jasmani / Pendidikan Kesihatan / Sains.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Memberi tugasan iaitu dua suku kata terbuka kepada murid. Ka-ki / ki-ki-ki (sebut perkataan dan sentuh murid lain). 2 Murid perlu menyambung dari suku kata Ki..dan fikirkan sambungan suku kata yang sesuai. (Contoh: ki-ta, ta-ta-ta-ta dan seterusnya menyentuh murid lain). 3 Permainan ini dijalankan dalam tempoh masa yang difikirkan sesuai. <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Menjalankan aktiviti Getaran Bahasa sewaktu pihak sekolah melaksanakan aktiviti perkhemahan dengan dibantu oleh Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB).</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Hai Haiku</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Bertutur dan melafazkan haiku yang dibina. 2 Menceritakan semula maksud haiku yang dibina. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Mencari gambar atau melukis gambar seperti tajuk yang diberi. 2 Menampal atau melukis gambar pada bahan yang bersesuaian – penerangan tentang haiku. 3 Mencari perkataan yang sesuai untuk membina haiku berdasarkan gambar yang dipilih. 4 Membina ayat yang sesuai untuk membentuk haiku. 5 Bertutur dan melafazkan haiku yang dibina. 6 Murid menceritakan maksud tentang haiku yang dibina. 7 Mempamerkan hasil haiku yang dibina. 8 Menjual hasil haiku yang dibina. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Penggunaan kamus setiap hari. Murid mencatat serta mencari makna kosa kata baharu. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid mempamerkan serta menerangkan maksud haiku yang telah dihasilkan. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Membuat pameran dan penerangan tentang haiku.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 <i>Haiku</i> sejenis puisi Jepun yang ditulis dalam tiga baris dengan tujuh belas suku kata selalunya membicarakan kisah alam semula jadi. 2 Mencari perkataan yang sesuai untuk membina 3 baris ayat yang mengandungi 13 suku kata seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> a) Baris pertama, 5 suku kata b) Baris kedua, 7 suku kata. c) Baris ketiga, 5 suku kata. 3 Memilih perkataan yang tepat untuk menggambarkan <i>Haiku</i> yang akan ditulis. <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-top: 10px;">  <div style="margin-left: 20px;"> Kolam yang lama Katak melompat tinggi Air terpercik </div> </div> <p>Bahan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Gambar boleh terdiri daripada hasil lukisan sendiri, majalah, buku, akhbar dan Internet. 2 Menggunakan peralatan lukisan dan bahan lukis yang sesuai. 3 Contoh: Kad manila, papan pelekap, kertas warna, kertas lukisan. 	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Murid menjual hasil haiku semasa Program Hari Kokurikulum / Hari Kantin (b) Mengundang sekolah berhampiran untuk melihat pameran dan membeli hasil <i>haiku</i>.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Jika Maka</p> <p>Pasukan Badan beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Membina ayat mudah menggunakan awalan perkataan Jika dan awalan perkataan Maka secara spontan. 2 Membaca ayat yang dibina secara bersahut dengan menggunakan perkataan Jika dan Maka. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid dibahagikan kepada Kumpulan JIKA dan Kumpulan MAKA. 2 Setiap kumpulan akan membina ayat secara spontan dengan menggunakan perkataan awalan Jika dan Maka. 3 Aktiviti akan bertukar mengikut kumpulan. <p>Contoh aktiviti Pasukan Badan Beruniform Kumpulan Jika: Jika tiada khemah sewaktu perkhemahan.... Kumpulan Maka: Maka tidurlah di bawah pokok.</p> <p>Contoh aktiviti Kelab dan Persatuan (Sains) Kumpulan Jika: Jika tumbuhan tidak disiram... Kumpulan Maka: Maka pokok akan mati kekeringan...</p> <p>Contoh aktiviti Sukan dan Permainan (Bola Tampar) Kumpulan Jika: Jika bola dilontar ke bawah... Kumpulan Maka: Maka teknik menahan bola perlu digunakan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid boleh mengaplikasikan aktiviti ini di sudut bacan, di kantin, di pondok bacaan pada bila-bila masa. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid menjalankan aktiviti permainan JIKA MAKA semasa perhimpunan (3 minit). 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Mengadakan pertandingan antara ahli dalam kelab masing-masing dan pertandingan antara PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan. 4 Penyerapan Ilmu Ilmu pembinaan karektor dan kreativiti.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
3 Membina soalan mudah untuk mendapatkan maklumat.	<p>Catatan Cadangan masa perbincangan tidak lebih dari 30 saat.</p> <p>Bahan Kad kumpulan JIKA dan kad kumpulan MAKA.</p>	<p>Pelaksanaan Aktiviti Tahunan</p> <p>Sekolah mengadakan sesi dialog bersama-sama tokoh tempatan, tokoh sukan atau tokoh murid. Murid menyoal untuk mendapatkan maklumat seperti biodata, sejarah kejayaan dan sebagainya.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Jualan Langsung</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Bercerita berdasarkan bahan yang diberi. 2 Bercerita dengan menggunakan sebutan dan perkataan yang betul dan tepat. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru menerangkan cara permainan. 2 Murid melakonkan aksi jurujual berdasarkan bahan yang diberikan. 3 Murid mengambil bahan jualan di dalam kotak tanpa mengetahui bahan tersebut. 4 Dalam melakonkan watak seorang jurujual, murid perlu menyatakan: <ol style="list-style-type: none"> (i) Nama produk (ii) Keberkesanan produk (iii) Harga produk (iv) Kandungan produk 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian <p>Murid menggunakan ayat yang betul sewaktu pembelian di kantin atau di kedai buku.</p> 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah <p>PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan Memberikan pendapat tentang sesuatu perkara yang telah dilaksanakan.</p> 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum <ol style="list-style-type: none"> (a) Kelab dan Persatuan Berbual-bual tentang makanan yang dijual di kantin sekolah. (b) Sukan dan Permainan Menamakan serta menyatakan fungsi peralatan sukan. (c) PBB Menceritakan makna pada setiap logo PBB. 4 Penyerapan Ilmu <p>Matematik – simulasi jual beli.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Peraturan permainan</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Murid diberi tajuk seperti Produk Mencantikkan Kulit. (ii) Murid mengambil satu benda di dalam kotak secara rambang tanpa melihat kandungan di dalam kotak tersebut. (iii) Murid diminta bercerita tentang barang yang diambil di dalam kotak . (iv) Main peranan / simulasi <p>Bahan</p> <p>Kotak, buku, pensel, pemadam, kasut, wisel dan sebagainya.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Ibu bapa yang terlibat dalam perniagaan, berkongsi cerita dengan murid dan pihak sekolah.</p> <p>Murid melibatkan diri secara langsung semasa Hari Kantin.</p> <p>Murid menggunakan ayat yang betul sewaktu pembelian di kantin atau di kedai buku.</p> <p>Aktiviti Berterusan</p> <p>Murid mempraktikkan penggunaan ayat yang betul semasa proses membeli di luar kawasan sekolah.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Kukunci</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Membina cerita spontan berdasarkan tema yang diberikan. 2 Mendengar, memahami dan meniru semula mimik muka dan gaya badan serta perkataan terakhir yang didengar. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru menerangkan cara permainan. 2 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan giliran. 3 Guru memberi tema kepada kumpulan pertama. 4 Kumpulan pertama akan memulakan cerita sehingga guru menyebut perkataan “KUNCI”. 5 Kumpulan kedua akan menyambung cerita dan meniru semula mimik dan aksi ahli pertama berdasarkan perkataan terakhir yang di “KUNCI”. 6 Sekiranya kumpulan kedua tidak dapat menyambung cerita tiada markah diberikan. 7 Kumpulan seterusnya akan mengambil alih dan menyambung cerita tersebut. 8 Permainan diulang sehingga masa tamat. Pemenang dipilih berdasarkan kiraan markah tertinggi. <p>Kumpulan 1 “Banyak betul sampah di kawasan kantin sekolah kita ni. Siapa punya kerja? (KUNCI)</p> <p>Kumpulan 2 Kerja malas gaji nak banyak. Amboi! Amboi! Amboi! (KUNCI)</p>	<p>1 Aktiviti Harian Mencari kosa kata dalam surat khabar, majalah, iklan, risalah, gegantung dari papan elektronik dan membuat ayat mudah melalui rakan atau sidang sekolah</p> <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid diberi kad gambar dan membina cerita spontan berdasarkan gambar tersebut. (masa 3 minit)</p> <p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Membuat persembahan bercerita berkaitan pengalaman seperti perkhemahan, penyertaan pertandingan, lawatan dan sebagainya.</p> <p>4 Penyerapan Ilmu Pendidikan Jasmani / Pendidikan Kesihatan</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Contoh Situasi: Masalah kebersihan di kantin sekolah. Guru boleh memberikan contoh situasi yang bersesuaian dengan tahap kemahiran dan pengetahuan sedia ada murid.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, gambar dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Mengundang pasukan bomba, polis dan tentera membuat persembahan yang berkaitan. Murid akan mengulang semula arahan dan aksi tersebut. Contoh: Demonstrasi memadamkan api oleh pihak bomba.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Langkah Demi Langkah Sayang</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Bertutur dan menyampaikan arahan mengikut urutan yang betul. 2 Mengulang arahan yang telah didengar mengikut urutan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Ketua kumpulan menyampaikan arahan mengikut urutan. 2 Ketua kumpulan membaca catatan yang mengandungi langkah-langkah untuk melaksanakan sesuatu aktiviti mengikut urutan yang betul. <p>Contoh: Membuat sandwic telur. Membuat ikatan dan simpulan. Menjaring bola.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3 Murid lain mendengar penerangan lisan yang diberikan dengan teliti. 4 Murid-murid menyebut semula secara lisan sambil melaksanakan aktiviti yang telah didengar dan dilihat mengikut urutan yang betul. 5 Guru membuat rumusan aktiviti. 	<p>1 Aktiviti Harian</p> <p>Murid mengikut peraturan dan arahan yang terdapat di makmal komputer atau di pusat sumber. Contoh: Tatacara meminjam buku.</p> <p>Murid juga boleh mengamalkan peraturan mengikut urutan untuk aktiviti memasak / mengemas di rumah.</p> <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah</p> <p>Badan Disiplin Sekolah – Ketua Pengawas memberi penerangan sambil menunjuk cara memakai tali leher yang betul.</p> <p>Setelah selesai, beberapa orang pengawas yang terpilih akan menyebut langkah-langkah sambil memakai tali leher.</p> <p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum</p> <p>Pertandingan menerangkan secara lisan berserta demonstrasi langkah-langkah melaksanakan kemahiran.</p> <p>Contoh: Langkah-langkah mengikat anduh.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
		<p>4 Penyerapan Ilmu</p> <p>Pendidikan Jasmani / RBT / Pendidikan Moral / Pendidikan Agama Islam.</p>
	<p>Catatan</p> <p>Aktiviti yang dilaksanakan perlu mengikut kemahiran dan kebolehan sedia ada murid untuk melakukannya.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, peralatan sukan, tali dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Mengundang anggota unit beruniform seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat atau Persatuan Bulan Sabit Merah untuk menunjukkan demonstrasi.</p> <p>Murid menyatakan semula langkah-langkah yang telah ditunjukkan dalam demonstrasi oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat / PBSM.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Madah Berirama</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Menyebut dan melafazkan puisi seperti pantun, sajak dan syair dengan sebutan dan intonasi yang betul. 2 Memahami maksud puisi. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid mendengar deklamasi puisi. 2 Setiap kumpulan melafazkan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul (rujuk kepada lampiran). 3 Murid dan guru berbincang mengenai maksud puisi tersebut. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian <ul style="list-style-type: none"> (a) Murid mengumpul bahan puisi yang terdapat dalam akhbar. (b) Murid menggunakan madah berirama dalam sesi perbualan atau dalam penulisan karangan. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah <p>PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan. Wakil murid menyampaikan madah berirama yang pelbagai seperti pantun, syair dan sajak.</p> 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum <p>PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan.</p> <p>Bahan puisi yang dikumpul disatukan dalam bentuk koleksi.</p> 4 Penyerapan Ilmu <p>Sains / Bahasa Melayu.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Murid diperdengarkan deklamasi puisi oleh guru atau melalui rakaman / tayangan video.</p> <p>Bahan</p> <p>Cakera Padat, buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) menganjurkan pertandingan deklamasi sajak.</p>



Lampiran Madah Berirama

Terima Kasih Jendela Selatan

Terima kasih Jendela Selatan
kerana sudi bertemu di hujung benua
mengutus warkah seni budaya bangsa
buat melerai rindu warga
berabad lamanya.

Kelahiranmu disambut nafas bangga
oleh setiap warga yang mengidam perkhabaran cinta
kerana mengangkat harkat sastera dan bangsa
di pentas antarabangsa.

Tanpa jemu memanjat restu
dirgahayu Jendela Selatan.

Mohd Rosli Bakir



Contoh Pantun (PBB)

Di tepi paya petik kecapi,
Sambil mengetuk irama berselang;
Segak bergaya dipakai rapi,
Disiplin dibentuk pelajar cemerlang.

Contoh Syair (Kelas dan Persatuan):

Sejarah Hang Tuah pahlawan terbilang,
Nama termasyhur gilang-gemilang,
Berani laksamana bukan kepalang,
Pasti Melayu tidakkan hilang.



PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Pentas Aksi</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Melakonkan watak secara spontan dan bertatususila mengikut konteks. 2 Memberi komen dan mempertahankan idea yang diberikan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid dibahagikan dalam kumpulan kecil. 2 Murid memilih situasi yang disediakan oleh guru. Contohnya, situasi meminta bantuan ketika kecemasan. 3 Seorang murid melakonkan aksi secara spontan berdasarkan tajuk / situasi. 4 Murid yang lain memberikan pandangan dan ulasan tentang aksi yang dilakukan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid mengetuk pintu kelas dan menggunakan ayat yang bertatususila serta bermakna sewaktu meminta izin untuk berjumpa rakan semasa guru sedang mengajar. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Persembahan lakonan spontan. Contohnya, Arnab dan Kura-Kura. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Simulasi, murid meminta izin untuk keluar dari kelas semasa guru sedang mengajar. 4 Penyerapan Ilmu Lakonan / dialog dalam Bahasa Melayu.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Murid dikehendaki menggunakan kemahiran lisan dengan mengutamakan nada dan intonasi yang sesuai.</p> <p>Bahan</p> <p>Kad arahan.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Kaunselor jemputan memberi tugas simulasi kepada murid. Murid melakonkan simulasi secara spontan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Pintar Bahasa</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menyampaikan arahan menggunakan laras bahasa yang sesuai. 2 Berinteraksi secara dua hala dengan jelas. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Ketua kumpulan memberikan tajuk kepada ahli kumpulan. 2 Murid diberikan tempoh waktu untuk mencari maklumat berkaitan tajuk yang diberi. 3 Murid melakukan perbincangan di dalam kumpulan dan ketua kumpulan tampil untuk membuat pembentangan. 4 Murid dan guru memberikan refleksi. <p>Contoh tajuk aktiviti</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 PBSM -- Cara merawat luka. 2 Kelab Matematik – Menyatakan fungsi 3D. 3 Bola Keranjang – Menyatakan teknik menjaring bola. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid mencari makna perkataan: gajet, simpulan tali, mengelecek, melontar dan sebagainya. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid membuat ulasan tentang aktiviti yang telah dilakukan semasa kokurikulum. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Ketua pasukan akan menyebut bahasa arahan semasa mengendalikan perhimpunan. Contoh: baris, baris sedia... ke kanan lurus. 4 Penyerapan Ilmu Sains / Pendidikan Kesihatan.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Semua murid perlu main peranan semasa sesi perbincangan. Tempoh perbincangan perlu ditetapkan oleh guru pembimbing.</p> <p>Bahan</p> <p>Peralatan sukan, kain anduh, tali, wisel, buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Ibu bapa yang mempunyai pengalaman dalam aktiviti pakaian seragam diundang untuk berkongsi pengalaman seperti kawad kaki, pengalaman ikthiar hidup dalam hutan dan sebagainya.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Profesor Serba Tahu</p> <p>Persatuan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menyoal secara spontan menggunakan ayat tanya yang betul berdasarkan tajuk yang diberikan. 2 Memberi respons secara spontan menggunakan bahasa yang betul dan tepat. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Setiap kumpulan diberikan satu tajuk, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan 1: Lampu isyarat • Kumpulan 2: Papan tanda di jalan raya • Kumpulan 3: Langkah-langkah keselamatan • Kumpulan 4: Peraturan melintas jalan 2 Dua orang murid dipilih dalam kumpulan masing-masing untuk duduk di kerusi panas. 3 Setiap ahli kumpulan melontarkan soalan yang sesuai mengikut tema / tajuk kepada dua peserta yang duduk di kerusi panas secara bergilir-gilir. 4 Murid yang duduk di kerusi panas akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh ahli kumpulan mereka sendiri. 5 Murid dan guru membuat rumusan. <p>Contoh soalan lampu isyarat</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Berapakah jumlah warna lampu isyarat? Cadangan jawapan: Lampu isyarat ada tiga warna. (b) Apakah akibat sekiranya pengguna jalan raya melanggar peraturan jalan raya? Cadangan jawapan: (i) Berlaku kemalangan. (ii) Menyebabkan kematian. 	<p>1 Aktiviti Harian</p> <p>Murid berosal jawab tentang paparan aktiviti yang ada pada papan tanda unit kokurikulum di sekolah menggunakan bahasa yang mudah dan betul.</p> <p>2 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum</p>  <ol style="list-style-type: none"> (a) Pasukan Badan Beruniform Berosal jawab cara melaksanakan aktiviti kawad kaki. (b) Kelab dan Persatuan Berosal jawab tentang aktiviti kebahasaan seperti bercerita, pantun atau pidato. Selain itu, murid juga boleh berosal jawab tentang aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti nyanyian dan kompong.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan Murid menonton video tragedi kemalangan jalan raya.</p> <p>Bahan Video, buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>(C) Sukan dan Permainan Bersoal jawab tentang undang-undang permainan bola jaring, bola tampar dan sebagainya.</p> <p>3 Penyerapan Ilmu PKJR / Sains.</p>
		<p>Pelaksanaan Aktiviti Tahunan Dalam aktiviti perkhemahan tahunan, sekolah mengundang fasilitator luar untuk mengendalikan aktiviti latihan dalam kumpulan. Dalam aktiviti tersebut, murid memberi respons secara spontan terhadap soalan bercapah yang dikemukakan oleh fasilitator.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM								
		CADANGAN								
<p>Tajuk: Sahutlah Panggilanku</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Menyambung frasa berdasarkan soalan yang diberikan. 2 Menyanyikan lagu yang dicipta sendiri menggunakan irama lagu “Pisang Goreng”. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid membentuk dua kumpulan. Satu kumpulan terdiri daripada 10 hingga 15 orang murid. 2 Kumpulan 1 menerima frasa sebagai bahan rangsangan. Contoh frasa seperti rumah, kereta dan murid. 3 Murid kumpulan 1 menyoal murid kumpulan 2 dengan melagukan frasa yang diterima secara bergilir-gilir. 4 Murid kumpulan 2 menjawab frasa tersebut dan menyoal semula secara bergilir-gilir mengikut irama yang dilakukan. 5 Kumpulan yang gagal menyambung frasa dikira kalah. Frasa lain akan diberikan semula untuk meneruskan permainan menyambung frasa. <p>Contoh pelaksanaan:</p> <p>Perkataan yang diberikan “hati”</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td>Kumpulan 1 (Menyoal / menjawab)</td> <td>Kumpulan 2 (Menjawab / menyoal)</td> </tr> <tr> <td>hati apa, hati apa, hati apa sekarang (soal)</td> <td>hati ayam, hati ayam, hati ayam sekarang (jawab) ayam apa, ayam apa, ayam apa sekarang (soal)</td> </tr> </table>	Kumpulan 1 (Menyoal / menjawab)	Kumpulan 2 (Menjawab / menyoal)	hati apa, hati apa, hati apa sekarang (soal)	hati ayam, hati ayam, hati ayam sekarang (jawab) ayam apa, ayam apa, ayam apa sekarang (soal)	<p>1 Aktiviti Harian</p> <p>Membina ayat mudah dalam buku catatan.</p> <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah</p> <p>Murid menyambung perkataan menjadi kata majmuk dan membina ayat mudah daripada kata majmuk tersebut.</p> <p>Contoh:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td>Murid 1</td> <td>Murid 2</td> </tr> <tr> <td>jam</td> <td>tangan</td> </tr> </table> <p>Ayat: Jam tangan itu dibeli oleh ayah.</p> <p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum</p> <p>Ketua murid memberikan arahan kepada semua murid semasa perhimpunan. Murid memberikan respons terhadap arahan tersebut.</p> <p>Contoh: baris, baris sedia.</p>	Murid 1	Murid 2	jam	tangan
Kumpulan 1 (Menyoal / menjawab)	Kumpulan 2 (Menjawab / menyoal)									
hati apa, hati apa, hati apa sekarang (soal)	hati ayam, hati ayam, hati ayam sekarang (jawab) ayam apa, ayam apa, ayam apa sekarang (soal)									
Murid 1	Murid 2									
jam	tangan									

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>ayam kampung, ayam kampung, ayam kampung sekarang (jawab)</p> <p>kampung apa, kampung apa, kampung apa sekarang (soal)</p>	
	<p>Catatan</p> <p>Kumpulan murid digalakkan memilih irama lagu yang disukai.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Dalam aktiviti perkhemahan tahunan, pihak sekolah mengundang hakim daripada Pasukan Badan Beruniform seperti tentera atau polis untuk mengadili pertandingan kawad kaki.</p> <p>Dalam perlawanan persahabatan bola sepak, pihak sekolah mengundang Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) untuk menjadi pengadil.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Sorak Berentap</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif:</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menyanyikan lagu mengikut melodi yang betul. 2 Mencipta lirik lagu yang bermakna. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid menyanyikan lagu sorak negeri. 2 Murid dibahagikan kepada kumpulan. 3 Murid mencipta lirik sorakan yang baharu mengikut melodi yang dipilih. 4 Murid menyanyikan lagu yang dicipta. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid menyanyikan lagu sorakan yang dicipta pada waktu terluang seperti waktu rehat. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Menyanyi dan memperkenalkan lagu semua unit kokurikulum mengikut giliran. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Menyanyikan lagu Pasukan Badan Beruniform dengan melodi yang betul. 4 Penyerapan Ilmu Pendidikan Muzik.
	<p>Catatan</p> <p>Contoh: Lagu bola sepak negeri.</p> <p>Bahan</p> <p>Cakera Padat, jersi, mafela, pakaian, bola, gendang</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Mengundang ibu bapa yang berkemahiran dalam bidang muzik untuk membentuk pasukan koir sekolah.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Stesen ke Stesen</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Membaca, memberi dan menjelaskan arahan mudah. 2 Berkomunikasi dan berfikir secara spontan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid membentuk beberapa kumpulan yang sama bilangan ahlinya. 2 Setiap kumpulan perlu melengkapkan tugas di semua stesen yang ada. <p>Contoh: Pasukan Badan Beruniform</p> <p>Stesen 1: Murid diminta menerangkan cara membuat ikatan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan membina satu ungkapan menarik tentang ikatan tersebut.</p> <p>Stesen 2: Murid menerangkan fungsi ikatan dan simpulan.</p> <p>Stesen 3: Murid menjawab soalan duga minda berkaitan ikatan dan simpulan.</p> <p>Contoh: Kelab dan Persatuan (Sains)</p> <p>Stesen 1: Murid diminta menceritakan proses menanam pokok kacang hijau.</p> <p>Stesen 2: Murid menerangkan tentang keperluan tumbesaran pokok kacang hijau.</p> <p>Stesen 3: Murid menceritakan keperluan dan kepentingan kacang hijau dalam kehidupan seharian.</p>	<p>1 Aktiviti Harian</p> <p>Membaca arahan yang terdapat pada gegantung atau mural sekolah. Murid menyampaikan arahan tersebut kepada rakan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sila letakkan pinggan ke dalam besen. (ii) Sila beratur. (iii) Dilarang memijak rumput. <p>2 Perhimpunan Rasmi Sekolah</p> <p>Murid menjawab soalan kuiz secara spontan.</p> <p>Contoh:</p> <p>Berapakah jumlah pemain bola sepak dalam satu pasukan?</p> <p>3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum</p> <p>Murid memberikan arahan kepada rakan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Contoh: Sukan dan Permainan (Hoki)</p> <p>Stesen 1: Murid memberi penerangan teknik memukul bola dengan tepat.</p> <p>Stesen 2: Guru melakukan demonstrasi dan murid memberi penerangan tentang teknik-teknik menghadang bola.</p> <p>Stesen 3: Murid menerangkan cara-cara menjaringkan gol dan menghalang bola.</p>	<p>Contoh:</p> <p>Sila bina gajet kasut.</p> <p>4 Penyerapan Ilmu</p> <p>Sains / Pendidikan Jasmani / RBT</p>
	<p>Catatan</p> <p>Guru menerangkan tatacara permainan Stesen ke Stesen.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, peralatan sukan dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Menjalankan usaha sama antara JPAM / Pasukan Bomba dan Penyelamat / PDRM / Pasukan Elit Sekolah / alumni sekolah untuk menunjukkan demonstrasi yang bersesuaian kepada murid. Murid boleh mengemukakan soalan secara spontan untuk menambah ilmu pengetahuan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Suluh Pedoman</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Memberi arahan menggunakan bahasa yang betul dan tepat. 2 Mendengar dan memahami arahan. 3 Memberi respons berdasarkan arahan yang didengar. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid berada dalam kedudukan berbaris secara berkumpulan. 2 Seorang murid dipilih dan matanya ditutup (Murid A). 3 Murid lain memberikan arahan tindakan / perbuatan yang perlu dilakukan oleh Murid A. <p>Contoh</p> <ol style="list-style-type: none"> (i) Bergerak lima langkah ke hadapan. (ii) Bangun dan duduk dengan gerak perlahan / kuat. (iii) Melakukan aksi haiwan / pemain bola sepak dan sebagainya. <ol style="list-style-type: none"> 4 Murid A melaksanakan arahan yang diberi. 5 Murid yang lain memberi respons dan membuat refleksi. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Memahami arahan yang diberikan oleh guru atau pengawas. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Pengacara majlis akan memberikan arahan sewaktu mengendalikan sesi perhimpunan. Contoh: Baris, baris sedia. Berdiri tegak ketika menyanyikan lagu Negaraku, lagu negeri dan lagu sekolah. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Memberikan arahan untuk memasang gajet. 

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
		<p>4 Penyerapan Ilmu</p> <p>Pendidikan Jasmani / Pendidikan Moral.</p>
	<p>Catatan</p> <p>Murid menonton sedutan video berkaitan dengan Orang Kurang Upaya (OKU) yang cacat penglihatan atau filem “Ali Baba Bujang Lapok”.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, video, akhbar, majalah dan bahan perpustakaan.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Perkhemahan Tahunan – Ketua pasukan memberi arahan kepada beberapa ahli lain untuk mengambil dan membina khemah, memasang gajet, mengumpul kayu api dan sebagainya. Murid yang mengambil peralatan diminta memberi arahan kepada murid dalam kumpulan itu untuk menyatakan kegunaan alatan yang diambil secara bergilir-gilir.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Tak Kenal Maka Tak Cinta</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Memperkenalkan diri menggunakan bahasa yang santun dan ayat yang mudah. 2 Memperkenalkan diri dengan cara yang kreatif. 3 Menyatakan semula maklumat yang didengar. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru menerangkan peraturan aktiviti. 2 Membentuk kumpulan kecil mengikut kesesuaian bilangan murid. 3 Ahli kumpulan yang pertama akan memperkenalkan diri secara kreatif. 4 Guru membimbing murid dalam sesi memperkenalkan diri. 5 Ahli kumpulan yang kedua menyatakan semula secara lisan pengenalan diri ahli sebelumnya. 6 Seterusnya, ahli kumpulan yang kedua menceritakan pula pengenalan dirinya. 7 Aktiviti diulang untuk ahli kumpulan ketiga dan seterusnya. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid berani dan yakin berkomunikasi dengan warga sekolah yang berlainan pada setiap hari. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Wakil murid daripada unit kurikulum akan memperkenalkan diri, guru atau rakan baharu. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Murid memperkenalkan diri serta jawatan yang disandang dalam PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan. 4 Penyerapan Ilmu Geografi.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Perkara yang perlu dinyatakan semasa memperkenalkan diri:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Nama (ii) Umur (iii) Hobi (iv) Cita-cita <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Murid dapat berkomunikasi secara berkesan dengan rakan sebaya atau pihak luar yang turut serta dalam program yang dianjurkan.</p> <p>Contoh program: Bicara Akademik, Hari Terbuka, jambori, Kejohanan Olahraga Tahunan dan program-program tahunan yang lain.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Teka Kata Pilihan</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Memperkasakan penguasaan kosa kata dalam pelbagai disiplin ilmu. 2 Membina ayat mudah daripada perkataan yang diberi. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru menyediakan satu carta huruf yang mengandungi jumlah perkataan pilihan. 2 Murid membentuk beberapa kumpulan. 3 Murid membina seberapa banyak perkataan daripada perkataan pilihan. 4 Murid akan mendapat markah bonus jika dapat meneka perkataan pilihan dengan tepat (menggunakan semua huruf yang disediakan di dalam carta). 5 Murid perlu membina ayat secara lisan berdasarkan perkataan yang dibentuk untuk memperoleh markah yang lebih. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid melaksanakan aktiviti ini pada masa rehat sebagai salah satu cara untuk mengisi masa senggang. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Kelab / Persatuan Wakil murid menyebut perkataan pilihan kepada murid lain untuk mencipta perkataan-perkataan baharu daripada perkataan yang diberi. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Setiap unit kelab / persatuan mengadakan pertandingan Teka Kata Pilihan dalam kalangan ahli. 4 Minggu Bahasa Kelab / Persatuan mengadakan pertandingan antara unit untuk meningkatkan penguasaan kosa kata.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM																																					
		CADANGAN																																					
	<p>Bahan</p> <p>buku, akhbar, majalah, bahan Internet.</p> <p>Catatan</p> <table border="1"> <tr> <td>S</td><td>A</td><td>N</td></tr> <tr> <td>D</td><td>N</td><td>U</td></tr> <tr> <td>N</td><td>E</td><td>G</td></tr> </table> <table border="1"> <tr> <td>SEN</td><td>NAN</td><td>DAN</td><td>DUN</td></tr> <tr> <td>SEDANG</td><td>SUANG</td><td>SANDANG</td><td>SUNDA</td></tr> <tr> <td>ADUN</td><td>SENDU</td><td>GAS</td><td>GUNA</td></tr> <tr> <td>DAUN</td><td>SUA</td><td>GESA</td><td>ANU</td></tr> <tr> <td>SENA</td><td>NENG</td><td>USANG</td><td>SEDU</td></tr> <tr> <td>SAGU</td><td>GENG</td><td>ANDUNG</td><td>SAUNG</td></tr> <tr> <td>NANDUNG</td><td>SEGAN</td><td></td><td></td></tr> </table> <p>Perkataan pilihan: SENANDUNG</p>	S	A	N	D	N	U	N	E	G	SEN	NAN	DAN	DUN	SEDANG	SUANG	SANDANG	SUNDA	ADUN	SENDU	GAS	GUNA	DAUN	SUA	GESA	ANU	SENA	NENG	USANG	SEDU	SAGU	GENG	ANDUNG	SAUNG	NANDUNG	SEGAN			<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Bulanan</p> <p>Menampal huruf-huruf untuk diteka perkataan pilihan dan membina perkataan baharu berdasarkan kata pilihan tersebut di sudut mata pelajaran dan di tempat-tempat yang sesuai.</p>
S	A	N																																					
D	N	U																																					
N	E	G																																					
SEN	NAN	DAN	DUN																																				
SEDANG	SUANG	SANDANG	SUNDA																																				
ADUN	SENDU	GAS	GUNA																																				
DAUN	SUA	GESA	ANU																																				
SENA	NENG	USANG	SEDU																																				
SAGU	GENG	ANDUNG	SAUNG																																				
NANDUNG	SEGAN																																						

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Telefon Cikgu</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Mendengar dengan teliti. 2 Menyebut bunyi yang didengar melalui telefon. 3 Membina ayat mudah berdasarkan bunyi yang didengar. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid membentuk tiga kumpulan. 2 Guru memperdengarkan bunyi dari telefon dan murid meneka. 3 Murid membina ayat secara berturutan dalam kumpulan. 4 Kumpulan lain mendengar dan menyatakan pendapat jika ada kesilapan dalam ayat yang dibina secara lisan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid peka dengan persekitaran seperti loceng rehat atau kecemasan dan bunyi-bunyi yang ada di persekitaran sekolah. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah PBB / Kelab dan persatuan / Sukan dan Permainan Menyebut bunyi yang diperdengarkan dan membina ayat mudah. Contoh: kereta, aliran air 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum PBB – Murid menyebut perkataan pertama kemudian diikuti oleh murid lain. 4 Penyerapan Ilmu Sejarah / Sains / Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Guru memperdengarkan bunyi melalui telefon dan murid mengecam serta meneka.</p> <p>Contoh: kenderaan, bunyi alam, bunyi haiwan</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, bahan Internet dan telefon.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>(a) Mengundang badan kerajaan seperti pihak PDRM, Unit Anjing Pengesan, Pasukan Bomba dan Penyelamat atau tentera untuk membuat pertunjukan yang bersesuaian (aktiviti mendengar bunyi seperti siren atau bunyi haiwan).</p> <p>(b) Mengundang badut pada Hari Kanak-kanak. Badut akan membuat aksi, murid meneka bunyi atau perlakuan yang dimaksudkan oleh badut tersebut.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Terampil dan Teladan</p> <p>Persatuan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan.</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1 Memberikan respons terhadap sesuatu perkara. 2 Berinteraksi secara sopan. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Pemimpin murid mengenal pasti ahli persatuan yang mempunyai pengalaman menyertai sesuatu pertandingan pada semua peringkat. 2 Murid yang dipilih berkongsi pengalaman sama ada berjaya atau gagal semasa menyertai pertandingan. 3 Ahli persatuan berosal jawab tentang rahsia kejayaan serta panduan untuk terus mencapai kejayaan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Berinteraksi dengan seluruh warga sekolah secara sopan terutamanya semasa berurusani di pejabat, pusat sumber dan tempat-tempat yang rasmi. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Wakil setiap persatuan akan menyampaikan ucapan tentang rahsia kejayaan. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Menayang rakaman peristiwa tentang kejayaan tokoh atau unit kokurikulum sekolah yang berjaya dalam aktiviti yang dianjurkan sama ada pada peringkat sekolah atau di luar sekolah. 4 Penyerapan Ilmu Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Murid menonton tayangan video yang bersesuaian dengan aktiviti kokurikulum.</p> <p>Contoh: video pertandingan bercerita, kawad kaki dan pertandingan bola tampar.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, video, akhbar, majalah dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Pihak sekolah mengundang bekas murid atau murid yang berjaya menyertai pertandingan pada peringkat daerah, negeri atau kebangsaan untuk berkongsi rahsia kejayaan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Tiga Perkataan Sahaja</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Menyampaikan ayat mudah secara spontan. 2 Membina soalan berdasarkan situasi. 3 Menjawab soalan menggunakan tiga perkataan sahaja. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Guru menerangkan peraturan permainan. 2 Guru memberikan situasi. Contoh: Persiapan menyertai aktiviti perkhemahan. 3 Murid diminta untuk menyediakan dialog dengan rakan pasukan lawan. 4 Pasukan lawan perlu menjawab menggunakan tiga perkataan sahaja. Contoh: Kumpulan A: Apakah yang diperlukan untuk perkhemahan? Kumpulan B: Cuba lihat senarai (menggunakan tiga patah perkataan). Kumpulan A: Di manakah kamu mendapat senarai tersebut? Kumpulan B: Dapat daripada cikgu. Permainan ditamatkan apabila pemain gagal menjawab menggunakan tiga perkataan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan Contoh: Murid membina ayat mudah melalui gambar yang terdapat di persekitaran sekolah. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Guru bertugas mengemukakan soalan berdasarkan ucapan yang disampaikan dan meminta murid menjawab soalan tersebut menggunakan tiga perkataan. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Murid memamerkan buku log / buku skrap aktiviti PBB / Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan masing-masing – Aktiviti soal jawab. 4 Penyerapan Ilmu Pendidikan Seni Visual.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Murid perlu menjawab tiga patah perkataan berdasarkan situasi yang diberikan.</p> <p>PBB – Persiapan menyertai aktiviti perkhemahan.</p> <p>Kelab dan Persatuan – Tunjuk cara.</p> <p>Sukan dan Permainan – Persiapan menghadapi perlawanan bola sepak.</p> <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah dan gegantung</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Mengundang syarikat seperti Didik / Nestle / Vitagen dan meminta mereka untuk menganjurkan permainan yang melibatkan aktiviti lisan.</p>

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
<p>Tajuk: Usahawan Muda</p> <p>Pasukan Badan Beruniform Kelab dan Persatuan Sukan dan Permainan.</p> <p>Objektif</p> <p>Murid akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Mengukuhkan perbendaharaan kata. 2 Membina ayat mudah. 	<p>Langkah Operasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Murid membentuk beberapa kumpulan. 2 Murid menggunakan bahan sedia ada. Contoh: peralatan sukan atau alat tulis. 3 Setiap kumpulan berbincang untuk membuat simulasikan sebagai seorang penjual bagi mempromosikan barang. 4 Setiap kumpulan menerangkan kelebihan barang yang hendak dijual. 5 Wakil murid akan membuat simulasikan sebagai seorang penjual barang. 6 Murid yang lain berlakon sebagai pembeli dan perlu bersoal jawab dengan penjual. 	<ol style="list-style-type: none"> 1 Aktiviti Harian Murid menggunakan bahasa yang betul semasa berurus di kantin atau di kedai buku. 2 Perhimpunan Rasmi Sekolah Murid membuat pengumuman aktiviti program usahawan muda dan barang-barang yang dijual. 3 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum Setiap persatuan menghantar wakil untuk membuat promosi dari kelas ke kelas secara lisan. 4 Penyerapan Ilmu Bahasa Melayu / Matematik.

PRAKOKURIKULUM	KOKURIKULUM	PASCAKOKURIKULUM
		CADANGAN
	<p>Catatan</p> <p>Penilaian</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Murid boleh mencipta skrip untuk membuat promosi. (b) Membina skrip drama pendek untuk promosi. (c) Mencipta pantun menarik untuk menggalakkan pembeli membeli produk yang dijual. <p>Bahan</p> <p>Buku, akhbar, majalah, peralatan sukan, alat tulis dan bahan Internet.</p>	<p>Pelaksanaan</p> <p>Aktiviti Tahunan</p> <p>Pelibatan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) dalam program Hari Jualan, Hari Katin atau Hari Usahawan.</p>

GLOSARI

Perkataan	Maksud dalam Konteks PIKeBM
Alumni	Bekas pelajar di sekolah
Ayat mudah	Ayat yang mengandungi satu subjek dan satu prediket
Demonstrasi	Tunjuk cara melakukan sesuatu
Dialek	satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard
Dokumentasi	Bahan dikumpul dan disimpan dalam fail/buku log/buku skrap
Modul	Buku panduan pelaksanaan aktiviti
KSIB	Kumpulan sokongan ibu bapa
Simulasi	Melakonkan watak seperti situasi sebenar

**RUMUSAN
MODUL AKTIVITI
PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU
(PIKeBM)
SEKOLAH RENDAH
(SK/SJKC/SJKT)**

ANALISIS MODUL PIKeBM SEKOLAH RENDAH 2018

BIL	TAJUK AKTIVITI	UNIT KOKURIKULUM		
		KELAB DAN PERSATUAN	SUKAN DAN PERMAINAN	PASUKAN BADAN BERUNIFORM
1	AKHBAR PEMBUKA MINDA	✓	✓	✓
2	AKULAH JAGUH	✓	✓	
3	BINA KATA	✓	✓	✓
4	BISIK-BISIK SAYANG	✓		✓
5	BURUNG TIONG		✓	✓
6	CAKNA MATA	✓		✓
7	CEF CILIK	✓		✓
8	CUIT-CUIT FIKIR	✓	✓	✓
9	JURUHEBAH HARI INI	✓	✓	✓
10	FIKIR-FIKIRKAN	✓	✓	✓
11	GETARAN BAHASA	✓	✓	✓
12	HAI HAIKU	✓	✓	✓
13	JIKA MAKÀ	✓	✓	✓
14	JUALAN LANGSUNG	✓	✓	✓
15	KUKUNCI	✓	✓	✓
16	LANGKAH DEMI LANGKAH SAYANG	✓	✓	✓
17	MADAH BERIRAMA	✓	✓	✓
18	PENTAS AKSI	✓	✓	✓
19	PINTAR BAHASA	✓	✓	✓
20	PROFESOR SERBA TAHU	✓	✓	✓
21	SAHUTLAH PANGGILANKU	✓	✓	✓
22	SORAK BERENTAK	✓	✓	✓
23	STESEN KE STESEN	✓	✓	✓
24	SULUH PEDOMAN	✓	✓	✓
25	TAK KENAL MAKÀ TAK CINTA	✓	✓	✓
26	TEKA KATA PILIHAN	✓	✓	✓
27	TELEFON CIKGU	✓	✓	✓
28	TERAMPIL DAN TELADAN	✓	✓	✓
29	TIGA PERKATAAN SAHAJA	✓	✓	✓
30	USAHAWAN MUDA	✓	✓	✓
JUMLAH		29	27	29

ANALISIS MODUL PIKeBM SEKOLAH RENDAH

BIL	TAJUK AKTIVITI	BILANGAN AKTIVITI PIKeBM	UNIT KOKURIKULUM			CATATAN
			KELAB DAN PERSATUAN	SUKAN DAN PERMAINAN	PASUKAN BADAN BERUNIFORM	
1	SEKOLAH RENDAH	30	29	27	29	85

ANALISIS PENGGUNAAN MODUL PIKeBM DALAM SETAHUN

BIL	PERKARA	CATATAN
1	JUMLAH MINGGU BELAJAR SETAHUN	43 MINGGU
2	JUMLAH MINGGU CUTI DAN PEPERIKSAAN	10 MINGGU
3	JUMLAH MINGGU UNTUK AKTIVITI KOKURIKULUM	33 MINGGU
4	JUMLAH AKTIVITI PIKeBM SEKOLAH RENDAH	30 TAJUK
	RUMUSAN	AKTIVITI DALAM MODUL PIKeBM YANG DISEDIAKAN MENCUKUPI UNTUK DILAKSANAKAN DALAM SETAHUN

SOALAN DAN JAWAPAN
BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU
(PIKeBM)

- 1 Adakah pihak sekolah perlu menyediakan takwim tahunan dalam penggunaan modul yang disediakan oleh pihak KPM?
Tidak perlu. Takwim pelaksanaan Modul PIKeBM hanya perlu disisipkan dalam takwim yang sedia ada.

- 2 Adakah pihak KPM melatih Jurulatih Utama (JU) yang boleh dijadikan pakar rujuk di setiap daerah atau negeri dalam menjayakan PIKeBM?
Ya. BKK bersama-sama IPGKBM telah melatih JU pada setiap daerah dan negeri.

- 3 Apakah peranan guru dan pentadbir dalam menjayakan pelaksanaan PIKeBM?
 - (i) Guru perlu memainkan peranan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) pelaksanaan PIKeBM.
 - (ii) Pentadbir perlu sentiasa mendorong dan memantau pelaksanaan PIKeBM.

- 4 Adakah pelaksanaan PIKeBM melibatkan kos?
Tidak melibatkan sebarang kos kerana menggunakan bahan sumber yang sedia ada di sekolah.

- 5 Adakah Modul PIKeBM ini sesuai digunakan dalam semua aktiviti Kokurikulum?
Ya. Mengikut kreativiti guru.

6 Adakah pihak sekolah dibenarkan melaksanakan aktiviti yang tidak terkandung dalam modul yang dibekalkan?

Pihak sekolah boleh melaksanakan aktiviti mengikut kesesuaian.

7 Siapakah sasaran murid yang terlibat dalam pelaksanaan PIKeBM?

(i) Murid tahun 3 hingga tahun 6 bagi sekolah rendah.

(ii) Murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5 bagi sekolah menengah.

8 Adakah pihak sekolah perlu menghantar laporan secara berkala?

Pihak sekolah diminta menghantar laporan dua kali setahun.

9 Berapakah peruntukan masa bagi pelaksanaan PIKeBM dalam setiap aktiviti?

Waktu yang diperuntukan bagi pelaksanaan PIKeBM secara sisipan wajib sepuluh minit.

10 Wajarkah pihak sekolah mengadakan pendedahan dan latihan dalaman tentang modul ini?

Perlu dirancang dan dilaksanakan bermula pada awal tahun.

11 Adakah program ini perlu disebarluaskan kepada ibu bapa?

Program ini mesti dimaklumkan kepada ibu bapa dalam mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

12 Adakah kelab berdasarkan bahasa ibunda perlu melaksanakan Modul PIKeBM?

Ya. Tiada sebarang pengecualian.

13 Siapakah yang bertanggungjawab menyediakan rumusan laporan untuk dihantar ke PPD?

Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab menyelaras dan mengumpul semua laporan berkaitan PIKeBM.

JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN MODUL PROGRAM INTERAKTIF KEMAHIRAN BAHASA MELAYU (PIKeBM)

Peneraju

Dr. Maridah binti Alias
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

Bahagian Alur Kerja

Rozainum binti Ahmad, K.M.N.

Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Roslina binti Mohd Roslin

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pegawai Yang Bertanggungjawab

Dr. Isham binti Ishak
Pengarah Guru dan Pemimpin Sekolah
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Putrajaya.

Pengurus Program

Lokman bin Abd. Wahid
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

Ketua Alur Kerja

Siti Khadijah binti Mion
Penolong Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Editor

Mohamad bin Musip
Munsyi Dewan

Mohd Noor bin Abdullah
Munsyi Dewan

Siti Zahara binti Mohamad
(Munsyi Dewan)
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

Khairuddin bin Ayip
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana, Selangor.

Zulkifli bin Mohd Top
Sekolah Tunku Abdul Rahman, Ipoh, Perak.

Panel Penulis Prosedur Operasi Standard

Siti Rahayu binti Muhammad
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Azman bin Sharif
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Azemi bin Md Zuki
Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Norfaizah binti Ahmad
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

Wan Saudah binti Wan Abdullah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

Norlidah binti Tasar
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Salmiah binti Hamad
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.

Mohd Faisol bin Abu Bakar
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Tunku Saidatul Bariah binti Tunku Nizam
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Khairul Akmar bin Abdullah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Mohamad Adnan bin Ismail
Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu, Negeri Sembilan.

Panel Penulis Modul Aktiviti
Datin Mastura binti Mohamed Berawi
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

Mustafa Kamal bin Mohammed Zahid
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

Razman bin Kamaruddin
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

Amri bin Abdul Ghaffar
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
Kuala Lumpur.

Nor Rul Azlifah binti Zulkafali
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kuala Lumpur.

Mat Johan bin Mamat
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
Kuala Lumpur.

Saruchi bin Sawal
(Munsyi Dewan)
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Rohayah binti Ishak
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Hesam bin Mohd Kasron
Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Hamdan bin Abd Kadir
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Mohd Isham bin Embong
Pejabat Pendidikan Daerah Dungun, Terengganu.

Fadhilah binti Embi
Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, Melaka.

Rosliza binti Basar
Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, Melaka.

Reny Azrena binti Abd Rahman
Pejabat Pendidikan Daerah Jasin, Melaka.

Zuraini binti Bakri
Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah, Melaka.

Mohd Rosli bin Bakir
(Munysi Dewan)
SMK Dato' Mohd Yunos Sulaiman, Pontian, Johor.

Hairul Badarul Shah bin Md Hashim
Maktab Tentera Diraja, Kuala Lumpur.

Amiruddin bin Md Ali Hanafiah
SMK Maxwell, Kuala Lumpur.

Razali bin Bidin
SMK Agama Muadzam Shah, Pahang.

Mohd Anuar bin Mat Salleh
SMK Rantau Panjang, Bestari Jaya, Selangor.

Yusrizal bin Mokhlas
SMK Dato' Sagor, Langkap, Perak.

Mohd Azhar bin Ariffin
Sekolah Seni Malaysia Perak, Sungai Siput, Perak.

Rothman bin Mohd Tahir
SMK Putrajaya Presint 5 (1), Putrajaya.

Mohamad Shaharudden bin Muhamad Kalam
Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan.

Salimah binti Daud
SRK Seri Indera, Kangar, Perlis.

Che Wan Muzafar bin Che Wan Kaman
SK Sura, Dungun, Terengganu.

Mohd Gulam bin Jamaludin
Sekolah Kebangsaan Merbau, Kota Bharu,
Kelantan.

Norlizah binti Basri
SK LKTP Air Tawar 4, Kota Tinggi, Johor.

Nurul Shahida binti Ahmad
SK Sinaran Budi, Rawang, Selangor.

PENGHARGAAN

Jawatankuasa kerja penyediaan Modul PIKeBM
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
kepada:

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur

Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas, Kuala Lumpur

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, KPM

Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM

Bahagian Teknik dan Vokasional, KPM

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Jabatan Pendidikan Negeri Negeri Sembilan

Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

dan

kepada semua pihak yang terlibat

secara langsung atau tidak langsung.

